

STATISTIK KERATAN AKHBAR JUN 2024

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	BUKU PERPUSTAKAAN DIKEMBALIKAN SEMULA SELEPAS 84 TAHUN	SINAR HARIAN MS 36	01.06.2024	PERPUSTAKAAN
2	BAUCAR BUKU RM100 UNTUK PENUNTUT IPT DILAKSANA BERFASA	BERITA HARIAN MS 08	01.06.2024	KPT
3	TVET BANTU LAHIRKAN TENAGA KERJA BERNILAI TINGGI	SINAR HARIAN MS 08	02.06.2024	KPT/TVET
4	BUAT PILIHAN BIAK BIDANG PENGAJIAN DI IPT	BERITA HARIAN MS 13	05.06.2024	KPT
5	DASAR TVET NEGARA LAKAR LALUAN LEBIH JELAS PASARKAN TENAGA MAHIR	BERITA HARIAN MS 10	06.06.2024	KPT/TVET
6	DASAR TVET NEGARA 2023: MEMBAWA MALAYSIA KE ARAH NEGARA MAJU	UTUSAN MALAYSIA MS 09	07.06.2024	KPT/TVET
7	KECEMERLANGAN VERSATIL MEMACU PENDIDIKAN TINGGI	UTUSAN MALAYSIAN MS 15	07.06.2024	RENCANA
8	DASAR TVET NEGARA 2030 BAKAL DILANCAR SEMPENA HTN 2024	SINAR HARIAN MS 06	08.06.2024	KPT/TVET
9	JADIKAN TVET PILIHAN UTAMA	SINAR HARIAN MS 07	08.06.2024	KPT/TVET
10	LEPASAN SPM DIPELAWA SERTAI TVET	BERITA HARIAN MS 03	08.06.2024	KPT/TVET
11	20 SYARIKAT TAWAR LEBIH 3,000 PELUANG KERJAYA	BERITA HARIAN MS 03	08.06.2024	KPT/TVET
12	PERUNTUKAN TAMBAHAN RM200 JUTA PERKASA TVET	SINAR HARIAN MS 07	09.06.2024	KPT/TVET
13	KERAJAAN TAMBAH BAIK PROGRAM, BIDANG TVET TINGKAT DAYA TARIKAN	BERITA HARIAN MS 04	09.06.2024	KPT/TVET
14	BULAN HARAM PENUH PANCARAN RAHMAT ILAHI	HARIAN METRA MS 15	10.06.2024	AGAMA
15	DASAR TVET HAPUS STIGMA BIDANG KEMAHIRAN KELAS KEDUA	BERITA HARIAN MS 12	10.06.2024	KPT/TVET
16	UMK: PENCAPAIAN MELANGKAUI USIA	UTUSAN MALAYSIA MS 16	10.06.2024	RENCANA
17	ENAM PROGRAM KEJURUTERAAN DI 6 IPTS TAK LAGI DIIKTIRAF EAC	BERITA HARIAN MS 02	23.06.2024	KPT
18	UITM KEKAL UNTUK PELAJAR BUMIPUTERA	BERITA HARIAN MS 07	27.06.2024	KPT
19	MEMILIH PEMIMPIN HEBAT	BERITA HARIAN MS 15	27.06.2024	AGAMA
20	KPT, MDEC KERJASAMA DALAM PEMBANGUNAN TEKNOLOGI DIGITAL IPT	UTUSAN MALAYSIA MS 38	28.06.2024	KPT

JUMLAH KESELURUHAN : 20

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON
TAJUK: BUKU PERPUSTAKAAN DIKEMBALIKAN SEMULA SELEPAS 84
TAHUN

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 36

TARIKH : 01/06/2024

**Buku perpustakaan
dikembalikan
semula selepas
84 tahun**

HELSINKI - Sebuah buku yang dipinjam dari perpustakaan Helsinki telah dipulangkan baru-baru ini setelah 84 tahun terlewat, seorang pustakawan memberitahu *AFP*.

Sebuah terjemahan dalam bahasa Finland bagi buku *Sir Arthur Conan Doyle 'Refugees'* telah diterima oleh pustakawan, Heini Strand pada Isnin di meja utama di Perpustakaan Pusat Helsinki Oodi.

"Tarikh tamat pinjaman ialah 26 Disember 1939," kata Strand, sambil menambah dia tidak pernah menerima buku yang terlewat begitu lama.

Hubungan antara individu yang memulang-
kan buku tersebut dan peminjam asalnya masih
tidak diketahui.

"Biasanya pinjaman seperti ini dipulangkan beberapa dekad selepas tarikh tamat tempoh adalah buku yang ditemui apabila seseorang memeriksa harta benda saudara yang telah meninggal dunia," kata Strand.

Tambah Strand lagi, pihaknya bagaimanapun menghargai usaha pemulangan buku tersebut meskipun menjangkau tempoh yang 'terlalu lama'.

“Orang ramai mahu melakukan perkara yang betul dan memulangkan buku yang menjadi hak milik perpustakaan. Saya rasa itu sangat bagus.

"Pemulangan buku itu mungkin peminjam berfikir apabila tarikh tamat tempohnya semakin hampir," ujarnya. - *Agensi*

15.12.36	10.6.37	35.5.38
21.12.36	8.6.37	20.6.38
4.3.37	17.7.37	8.3.38
5.1.37	20.10.37	20.1.39
10.1.37	6.11.37	12.12.38
12.1.37	5.12.37	12.1.39
7.2.37	8.12.37	23.2.39
15.3.37	12.1.38	30.2.39
24.3.37	20.1.38	9.3.39
9.4.37	3.2.38	8.4.39
10.5.37	4.3.37	14.5.39
2.6.37	15.3.38	18.5.39
26.5.37	25.3.38	9.6.39
		26.7.39

Tarikh tamat pinjaman buku Sir Arthur Conan Doyle 'Refugees' pada 26 Disember 1939.- Agensi

Baucar buku RM100 untuk penuntut IPT dilaksana berfasa

Pelajar sekolah pula boleh tebus melalui aplikasi DELIMA

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Pemberian baucar buku bernilai RM100 kepada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) akan dilaksanakan secara berfasa dengan tumpuan dikhususkan sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2024 yang akan berakhir Ahad ini.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, berkata baucar itu akan memanfaatkan seramai 1.2 juta penuntut semua IPT tempatan termasuk politeknik.

"(Agihan baucar) akan dibuat secara berperingkat, tetapi khusus dalam tempoh dua ke tiga hari sempena pesta buku antara-

Pelajar sekolah, penuntut IPT diberi baucar buku RM100

Keratan akhbar BH semalam.

rabangsa (PBAKL).

"Yang lain itu boleh dilaksanakan (secara dalaman) pada peringkat universiti, politeknik dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di sini, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika merasmikan PBAKL 2024, mengumumkan pemberian baucar buku bernilai RM100 bagi pelajar Tahap Dua sekolah rendah, sekolah menengah hingga ke peringkat IPT.

"Ketua Setiausaha KPT sudah mengadakan mesyuarat di peringkat pegawai dan beliau akan

umumkan apakah pendekatan serta langkah yang akan kita perkenalkan bagi membolehkan pelaksanaan itu dapat disegerakan," katanya.

Usah salah guna pemberian

Zambry juga mengingatkan supaya pemberian kerajaan untuk kemudahan pembelajaran itu tidak disalahgunakan.

Sementara itu, Kementerian Pendidikan (KPM) dalam kenyataan berkata, pelajar sekolah rendah dan menengah boleh mula menebus baucar buku RM100 melalui aplikasi DELIMA KPM mulai jam 2 petang semalam.

Katanya, bagi tujuan penebusan itu murid atau pelajar dikehendaki mendaftar masuk (log masuk) aplikasi DELIMA menggunakan dokumen pengenalan diri (ID) dan kata laluan masing-masing sebelum menekan ikon Kota Buku Digital.

"Seterusnya, murid atau pelajar perlu mendaftar akaun di Kota Buku Digital dan kredit akan dipapar di akaun masing-masing.

"Murid atau pelajar boleh memilih judul yang disukai dari-



Zambry beramah mesra bersama kakitangan kementerian selepas Majlis Perhimpunan Bulanan KPT di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

pada kepelbagaian judul yang ada terutama daripada Judul Cerdikan MADANI.

"Setelah selesai memilih, murid atau pelajar dikehendaki daf-

tar keluar dan memilih pilihan bayaran kredit e-kedai (e-store credit)," katanya.

Buku yang dibeli akan dihan-tar ke alamat didaftarkan.

TVET bantu lahirkan tenaga kerja bernilai tinggi

KUANTAN - Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) perlu diberi tumpuan khusus dalam usaha melahirkan tenaga kerja berpengetahuan, berketrampilan, inovatif dan bernilai tinggi.

Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bertitah, TVET dan perkembangan teknologi kecerdasan buatan (AI) memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan berkemahiran tinggi dan berdaya saing di peringkat global.

Titahnya, TVET juga menyediakan peluang kepada pelajar untuk memperoleh kemahiran praktikal yang relevan dengan keperluan industri.

"Ia sekali gus membantu me-

ingkatkan kebolehpasaran graduan dan mengurangkan kadar pengangguran serta melahirkan graduan bergaji premium.

"Pemeriksaan TVET bagaimanapun memerlukan kerjasama erat antara kerajaan, institusi pendidikan dan pemain industri dalam menyediakan kurikulum yang relevan, latihan berkualiti dan peluang pekerjaan selari dengan kemahiran diperolehi," titah baginda.

Tengku Hassan bertitah demikian dalam titah diraja sempena Majlis Perasmian Jom Masuk U (JMU) 2024 Zon Timur II di Dewan Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Kampus Gambang di sini pada Sabtu.

Tengku Hassan yang juga Pro Canselor UMPSA bertitah, program

Jom Masuk U adalah satu inisiatif yang dapat membantu pelajar dan ibu bapa mendapatkan maklumat terkini dan tepat mengenai peluang melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT).

"Saya harap semua pelajar memanfaatkan peluang ini sepenuhnya untuk merancang masa depan dengan lebih teratur.

"Antara cabaran sukar pelajar dalam menentukan kelestarian akademik di peringkat lebih tinggi adalah pemilihan program pengajian selari dengan kebolehan mereka.

"Sekiranya perkara itu tidak diberi perhatian sewajarnya, mereka mungkin tersalah pilih program dan seterusnya menghadapi kesulitan semasa mengikuti pengajian," ujar baginda.



Tengku Hassan (kiri) ketika melawat reruai yang mengambil bahagian pada program Jom Masuk U 2024 Zon Timur II di Dewan Kompleks Sukan UMPSA, Kampus Gambang pada Sabtu.

Buat pilihan bijak bidang pengajian di IPT

Tan Yi Xiang,
Universiti
Pendidikan
Sultan Idris

Adakah melanjutkan pengajian ke universiti penting? Soalan ini kerap menjadi tumpuan perbincangan terutama dalam kalangan remaja yang baru menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Ada yang melihatnya satu langkah penting, namun ada juga beranggapan melanjutkan pengajian hanya membuang masa. Jadi dalam konteks ini, adalah penting bagi kita untuk menentukan sama ada perlu melanjutkan pengajian ke universiti melalui beberapa kriteria.

Secara peribadi, saya melihat melanjutkan pengajian ke universiti itu penting kerana terdapat banyak kelebihan selepas bergelar mahasiswa.

Pertama sekali, kemahiran sosial dapat diasah kerana universiti menjadi platform untuk mahasiswa memperluas rangkaian sosial. Dalam kehidupan seharian sebagai seorang mahasiswa, kita akan berinteraksi dengan rakan sebaya, pensyarah, serta profesional daripada pelbagai latar belakang yang dapat membantu kita membina kemahiran komunikasi, kerjasama dan kepimpinan. Semua ini adalah unsur penting dalam kehidupan profesional.

Sudah tentu ada yang tidak bersetuju dengan pandangan ini dan berpendapat bahawa kemahiran sosial boleh diasah tanpa melanjutkan pengajian ke universiti, misalnya ketika bekerja dengan berhadapan pihak atasan dan pelanggan.

Namun, pernahkah anda terfikir bahawa di universiti, kita masih berpeluang membuat kesalahan tanpa menjejaskan kerjaya, berbanding jika melakukan kesalahan ketika bekerja?

Universiti adalah gedung pengalaman hidup



yang amat berharga buat setiap individu. Pengajian di universiti bukan hanya membabitkan akademik tapi juga perkembangan diri secara menyeluruh.

Apabila melanjutkan pengajian ke universiti, kita akan berhadapan pelbagai cabaran misalnya menguruskan masa dan menyelesaikan masalah. Pengalaman sebegini akan mematangkan.

Timba pengalaman indah di universiti

Pengalaman hidup di universiti juga amat berharga kerana itulah zaman menikmati usia muda. Ia akan menjadi kenangan yang unik dan setiap detik bersama rakan akan kekal dalam ingatan.

Bagaimanapun, tidak semua orang mampu melangkah ke universiti, malah ia juga bukanlah wajib untuk setiap orang berbuat demikian.

Sebelum meneruskan pengajian ke universiti, lihat beberapa kriteria untuk menentukan sama ada kita sesuai atau perlu untuk melanjutkan pengajian ke universiti.

Pertama sekali, kita perlu mengenal pasti bidang yang diikuti itu memang memerlukan ijazah universiti atau tidak. Ini kerana bagi kebanyakan individu, universiti menjadi laluan utama ke arah kerjaya tertentu seperti perubatan, kejuruteraan, atau undang-undang.

Namun demikian, ada juga bidang yang lebih mementingkan pengalaman praktikal dan kemahiran teknikal berbanding kelayakan akademik. Jika ada yang berminat untuk menceburi bidang bersifat kemahiran, tentu sahaja ilmu dan pengajian lanjutan dalam lapangan itu lebih diperlukan. Adakala ia tidak ditawarkan di universiti sebaliknya di pusat pendidikan kemahiran.

Bagi sesetengah yang lain, melanjutkan pengajian akan memberi tekanan kewangan besar. Apatah lagi lahir dalam keluarga kurang berkemampuan, tentu sahaja ia akan menjadi bebanan.

Jika bidang yang diminati tidak mewajibkan ijazah, maka alternatif lain seperti kursus pendek lebih sesuai dan dapat memenuhi keperluan anda.

Meskipun melanjutkan pengajian ke universiti memberikan pelbagai kelebihan, namun ia tidak semestinya sesuai untuk setiap individu. Oleh itu, penting untuk membuat keputusan yang bijak dan sesuai dengan keperluan serta keupayaan individu sebelum melangkah ke alam universiti.

Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke bhforum@bh.com.my

MukaSepuluh

E-mel: bhrencana@bh.com.my BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

Dasar TVET Negara lakar laluan lebih jelas pasarkan tenaga mahir

● Pada era penuh mencabar dan ditambah persaingan teknologi kecerdasan buatan (AI), kemahiran untuk hidup perlu digarap sebaik mungkin dan peluang itu cerah melalui TVET

● Program TVET perlu memacu inovasi dengan meningkatkan kreativiti dan penerapan teknologi baharu supaya pelajar dapat mengembangkan kemahiran menyelesaikan masalah dalam dunia pekerjaan sebenar



Wartawan BH

Oieh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Setiap kali memandu ke pejabat kerajaan ini, terpampang megah papan iklan digital di kebanyakan laluan utama di ibu kota mempromosikan Hari Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara 2024 yang diraikan pada 7 dan 8 Jun ini.

Malah, sekurang-kurangnya 10 papan iklan digital mengenai Hari TVET Negara 2024 dilihat penulis dalam perjalanan dari Sentul ke Balai Berita di Bangsar, sekali gus membuktikan betapa pentingnya

acara ini dirancang kerajaan demi masa depan rakyat, khususnya anak muda.

Paparan iklan berwarna-warni mempromosi sambutan Hari TVET Negara yang bakal diadakan di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Langat, Banting, Selangor, itu kelihatan amat hidup dan meriah, semestinya turut sama membawa mesej masa depan cerah dijanjikan dalam bidang TVET.

Bermula 2022, kerajaan mengisytiharkan 2 Jun setiap tahun sebagai Hari TVET Negara dalam usaha menghargai peranan dan kejayaan bidang itu ke arah memacu pertumbuhan ekonomi negara, selain merencanakan janaan pendapatan.

Tanpa menoleh ke belakang, kerajaan dilihat tekad membangunkan tenaga kerja mahir negara melalui TVET yang pernah dipandang sebagai pendidikan kelas kedua di negara ini oleh golongan tidak memahami kepentingan dan sumbangannya selaku antara segmen pendidikan utama.

Melangkah ke hadapan dengan lebih 765,000 pelajar TVET dilahirkan sejak 2018 dan kadar kebolehpasaran graduan TVET bagi 2023 mencecah 94.5 peratus secara keseluruhannya, tanggapan skeptikal itu perlahan-lahan terhakis dengan sendirinya, malah lebih ramai ibu bapa menggalakkan anak mereka menceburi TVET sebagai pilihan lanjutan pendidikan.

Pada era penuh mencabar dan ditambah persaingan teknologi kecerdasan buatan (AI), kemahiran untuk hidup perlu digarap sebaik mungkin dan peluang itu cerah melalui TVET.

Justeru, sambutan Hari TVET Negara serentak dengan peluncuran Dasar TVET Negara oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Sabtu ini, adalah tawaran 'terhangat di pasaran' buat anak muda dengan lebih 3,000 peluang pekerjaan ditawarkan melalui karnival kerjaya dua hari itu.

Permohonan secara langsung menyertai program TVET turut disediakan dan mampu membuka hati serta minda anak muda mencuba sesuatu yang ba-

haru dan menjanjikan masa depan lebih meyakinkan.

Sehingga kini, 1,345 institusi TVET awam dan swasta beroperasi di seluruh negara memberi peluang sama rata kepada anak muda tanpa prejudis.

Sempena Hari TVET Negara 2024, sebanyak 477 program dan aktiviti dilaksanakan pelbagai pihak bermula 8 Mei lalu sehingga Sabtu ini.

Selepas kira-kira lapan bulan, idea pembangunan Dasar TVET Negara dicetuskan Timbalan Perdana Menteri yang juga Pengerusi Majlis TVET Negara, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, semua pihak bertungkus-lumus merealisasikan aspirasi itu pastinya boleh berbangga pada hari bersejarah ini.

Dasar TVET Negara wadah satukan aspirasi

Dokumen Dasar TVET Negara akan berperanan sebagai medium penyatuan aspirasi dan hala tuju pelaksanaan bidang itu merentasi pelbagai pemegang taruh, seterusnya menjadi rujukan dalam memacu institusi TVET menawar serta melaksanakan program berkualiti berdasarkan keperluan industri.

Pembangunan Dasar TVET Negara 2030 membatik pelbagai siri Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD), mesyuarat kerja dan bengkel disertai wakil pemegang taruh daripada pelbagai agensi serta organisasi.

Pembangunan Dasar TVET Negara 2030 turut mengambil kira dapatan pelbagai laporan dan kajian pelbagai pihak, sebelum diterjemah menjadi lima teras strategik, iaitu tadbir urus komprehensif dan bersinergi, kualiti dan laluan pendidikan bertaraf dunia, kerjasama industri cekap dan produktif, pembiayaan TVET Mampan serta TVET pilihan utama kerjaya.

Tidak hairan, Ketua Kluster TVET dan Industri Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Dr Ramlee Mustapha menaruh harapan tinggi dalam melihat akses



TVET secara inklusif kepada semua atau *TVET For All* direalisasikan melalui Dasar TVET Negara.

Beliau yang juga Felo Kanan Institut Penyelidikan Pendidikan dan Latihan Vokasional Malaysia Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), berpandangan langkah mengintegrasikan konsep Malaysia MADANI merentasi kurikulum TVET berupaya melahirkan lebih ramai graduan teknousahawan berjaya.

"TVET penting dalam membangunkan kemahiran dan pengetahuan relevan dengan kehendak industri. Tema 'TVET Pilihan Utama Kerjaya' menggariskan TVET sebagai pemacu ke arah kesejahteraan ekonomi dan sosial dengan memfokuskan usaha membuka peluang latihan bidang itu serta menyediakan pekerjaan kepada graduan TVET dan mengurangkan kadar pengangguran.

"Selaras konsep Malaysia MADANI, kualiti TVET perlu dipertingkatkan agar memenuhi keperluan negara dan rakyat serta industri," tegasnya.

Kesungguhan kerajaan melalui usaha dipimpin Ahmad Zahid dalam memperkasa pendidikan TVET turut diakui Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Fazreen Fauzi.

Mewakili suara anak muda Melayu di Semenanjung, Fazreen berkata, GPMS berharap melalui Dasar TVET Negara, pihak industri lebih bersedia menerima dan melatih tenaga kerja domestik.

"Timbalan Perdana Menteri sering mengetengahkan idea berkaitan TVET dan diterjemah melalui agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah seperti MARA.

"Dasar TVET ini tepat pada masanya, dalam keadaan ada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kurang kecenderungan akademik dan boleh diberi pilihan menerokai bidang TVET," katanya.

Paling utama, Dasar TVET Negara diharap dapat menyediakan pasaran kerja mahir dalam kuantiti besar dan berkualiti untuk menayakan misi moden dan kemajuan negara.

Semua itu menuntut pendidikan TVET diselaras dan diarusperdanakan supaya hasrat Malaysia mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam jangka panjang menjadi kenyataan.

GPMS turut menggerakkan inisiatif pengenalan TVET menerusi pelaksanaan program pelbagai peringkat supaya golongan sasar mendapat jaminan kerjaya pada masa depan.

Selari kehendak semasa, program TVET perlu memacu inovasi dengan meningkatkan kreativiti dan penerapan teknologi baharu supaya pelajar dapat mengembangkan kemahiran menyelesaikan masalah dalam dunia pekerjaan sebenar.

Semoga Dasar TVET Negara melakar laluan lebih jelas ke arah lahirnya ramai pekerja berilmu dan berkemahiran yang bakal membawa kedudukan Malaysia ke tahap membanggakan.

Dalam Negeri

Utusan Malaysia
JUMAAT • 7 JUN 2024

9

Dasar TVET Negara 2030: Membawa Malaysia ke arah negara maju

Oleh NURUL IRDINA SUMALI
irdina.sumali@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Malaysia berkembang pesat dan membawa kepada kepelbagaian pendekatan yang berpotensi untuk berkembang seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara masa kini.

Dalam memastikan agenda pemerkasaan TVET negara dapat direalisasikan, pelbagai usaha dilakukan bagi mencapai matlamat untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing negara.

Disebabkan itu, ekosistem TVET negara berdepan dengan pelbagai cabaran yang memerlukan penyelarasan serta komitmen berterusan merentasi semua pemegang taruh terlibat dari aspek tadbir urus, kualiti, hubungan industri, pembiayaan serta penjenamaan.

Khazanah Research Institute (KRI) melaporkan, wujudnya ketidakpadanan antara permintaan industri dengan kemahiran yang dimiliki oleh graduan TVET akibat penglibatan dan kerjasama industri yang tidak menyeluruh.

Sehingga kini, tiada sebarang peruntukan undang-undang atau polisi khusus dibangunkan bagi memastikan keterlibatan industri dalam pelaksanaan TVET meliputi aspek kurikulum dan

perkongsian kepakaran serta teknologi.

Bukan itu sahaja, pembiayaan TVET pula berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti input belanjawan berpusat, birokrasi, tiada penyeragaman yuran serta kebergantungan tinggi kepada dana kerajaan.

Selain itu, sehingga kini, tiada jenama tunggal yang digunakan secara bersama dalam mempromosikan program TVET.

Menyedari hakikat ini, kerajaan telah memberikan tumpuan khusus bagi transformasi TVET secara komprehensif ke arah melahirkan modal insan berkualiti dan berkemahiran tinggi.

Usaha ini adalah selari

dengan fokus Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) dan terus diperhebat melalui agenda pemerkasaan TVET negara.

DASAR PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET) NEGARA 2030

Dasar TVET Negara 2030 merupakan salah satu usaha penyelarasan pelaksanaan program TVET di Malaysia.

Dasar ini mengambil kira dasar sedia ada yang berkaitan dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Pendidikan Tinggi Nasional serta akta-akta sedia ada.

Objektif utama pembangunan Dasar TVET Negara 2030 adalah melahirkan modal insan

berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan New Industrial Master Plan 2030 (NIMP 2030), National Energy Transition Roadmap (NETR), Kajian Separuh Penggal RMK-12 dan Sustainable Development Goals (SDG).

Dasar TVET Negara 2030 ini mengandungi lima teras strategik bagi menyokong visi, misi dan objektif yang digariskan dan seterusnya menjadi asas panduan pelaksanaan program TVET.

Kesimpulannya Dasar TVET Negara 2030 akan menjadi rujukan komprehensif yang menetapkan aspirasi dan hala tuju kerajaan bagi memastikan penyelarasan pelaksanaan TVET secara holistik dapat dilakukan menjelang tahun 2030.

TVET Pilihan Utama Kerjaya

7-8 Jun 2024
INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN
Kuala Langat, Banting, Selangor

#tvvet2024
www.tvvet.gov.my
MALAYSIA MADANI

INFO

» Teras A: Tadbir Urus Komprehensif dan Bersinergi

Persamaan, jurang dan ketidakselarasan antara kementerian berkaitan TVET perlu diharmonikan dan ditangani bagi menambah baik ekosistem TVET.

» Teras B: Kualiti dan Laluan Pendidikan Bertaraf Dunia

Laluan pendidikan yang fleksibel mampu menyokong aspirasi pembelajaran sepanjang hayat sekali gus memenuhi keperluan ekonomi dan perubahan teknologi yang pesat.

» Teras C: Kerjasama Industri Cepak dan Produktif

Landskap TVET secara keseluruhan perlu responsif terhadap pasaran pekerjaan. Justeru, penglibatan langsung industri dalam pelaksanaan program TVET turut menjadi keutamaan kerajaan mengatasi isu ketidakpadanan.


» Teras D: Pembiayaan TVET Mampan

Pelaksanaan program TVET memperuntukkan perbelanjaan tinggi dalam penyediaan infrastruktur dan keperluan latihan termasuklah bagi peningkatan kemahiran tenaga pengajar.

» Teras E: TVET Pilihan Utama Kerjaya

Persepsi dan stigma negatif bidang TVET yang sering disalah erti sebagai pilihan kedua perlu ditangkis untuk memastikan ia menjadi pilihan utama kerjaya rakyat Malaysia.

DUA pelajar Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Dusun Tua di bengkel penyelenggaraan kereta EV dan hibrid selepas Majlis Perasmian TVET ILKBS sebagai Pelaksana Rintis Kursus Kenderaan Elektrik (EV) dan Hibrid di institut itu.



Rencana



**AHMAD
FAUZI ISMAIL**

UNIVERSITI berfungsi sebagai taman ilmu indah yang padanya para ilmuwan dan penuntut mencari kebenaran, meningkatkan keserjanaan, menginovasi penyelesaian dan membangun anak watan menerusi perkhidmatan.

Pada era kontemporari ini, universiti bukan hanya menjalankan fungsi pengajaran dan pembelajaran menerusi program akademik yang ditawarkan, sebaliknya berfungsi juga sebagai institut penyelidikan yang giat menghasilkan pelbagai penemuan dan menawarkan penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat, negara dan dunia.

Universiti di Malaysia dibahagikan kepada beberapa kategori. Kategori utama yang selalu disebut-sebut ialah universiti penyelidikan (*research university*, RU).

Universiti penyelidikan bermula 2006 dengan empat buah universiti tempatan dipilih menjadi perintis, iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pada 2010, bilangan RU bertambah menjadi lima, apabila Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dipilih memasuki liga universiti utama negara ini.

Menurut bekas Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UKM, Prof. Datuk Dr. Abdul Wahab Mohammad menerusi satu penulisan rencana yang diterbitkan dalam sebuah akhbar bertarikh 27 Jun 2020, matlamat penubuhan RU ialah sebagai enjin pertumbuhan ekonomi negara menerusi penghasilan produk-produk penyelidikan yang dapat memacu kemajuan ekonomi, menjana kekayaan hasil dan ilmu baharu dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Kecemerlangan RU amatlah dituntut. Dalam konteks penarafan universiti dunia, khususnya *QS World University Rankings 2025*, kelima-lima RU ini berada dalam kedudukan 200 terbaik dunia. Pencapaian ini amat memberangsangkan sebagai satu indikator pencapaian RU yang penting.

Penarafan universiti dunia ini memberikan satu petanda bagi RU dan universiti-universiti tempatan yang lain untuk membuat penandaarasan



UNIVERSITI Teknologi Malaysia (UTM) mengungguli peratusan Graduan Berpendapatan Premium (Ijazah Pertama) dan Tahap Kemahiran Tinggi pada 2023 serta muncul kedudukan pertama dalam kalangan semua universiti awam Malaysia.

Kecemerlangan versatil memacu pendidikan tinggi

(*benchmarking*) dengan universiti-universiti terkemuka dunia.

UTM berjaya menempatkan diri dalam kedudukan 200 terbaik dunia bagi *QS World University Rankings 2025*. Malah, dalam penarafan berbeza, UTM telah melonjak sebanyak 76 anak tangga dalam *THE Asia Ranking 2024* daripada kedudukan 161 kepada 85.

Dalam menanggapi kecemerlangan pendidikan tinggi, UTM mempunyai hemat, penyelesaian dan pemikiran yang mungkin berbeza daripada kebiasaan.

UTM tidak hanya berfokus untuk mencapai kecemerlangan menerusi penarafan universiti global semata-mata. Sebaliknya, UTM turut memberikan pemberatan seimbang untuk sisi-sisi dimensi kecemerlangan berbeza, terutamanya membabitkan Kebolehpasaran Graduan (*Graduate Employability*, GE), Graduan Berpendapatan Premium (Ijazah Pertama) dan Tahap Kemahiran Tinggi. GE UTM 2023 ialah 100

peratus. Pencapaian ini telah menjadi satu sejarah baharu bagi UTM dan universiti awam Malaysia. Lazimnya, peratusan 100 peratus ini menjadi milik universiti swasta utama negara.

Tidak hanya itu, UTM turut mengungguli peratusan Graduan Berpendapatan Premium (Ijazah Pertama) sebanyak 18.5 peratus bagi tahun lalu dan muncul pada kedudukan pertama dalam kalangan semua universiti awam Malaysia. Hal yang serupa juga bagi kategori Tahap Kemahiran Tinggi, UTM berada pada kedudukan nombor satu dalam kalangan universiti awam pada 2023, dengan peratusan 85.4 peratus.

Terkini, UTM dipilih oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk menubuhkan Fakulti Kecerdasan Buatan (FAI) yang pertama di Malaysia. Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telahpun melancarkan FAI pada 10 Mei lalu di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur semasa acara MY AI Nexus.

Kecemerlangan yang

diraih oleh warga UTM ini sifatnya tampak menyeluruh atau versatil. Kecemerlangan begini menggambarkan nilai-nilai serba boleh warga UTM.

DIMENSI 'P'

Universiti ini tidak hanya memfokuskan terhadap satu dimensi kecemerlangan sahaja, sebaliknya turut memajukan warganya dalam pelbagai dimensi 'P', khasnya pengajaran, penyelidikan, penulisan, pengkomersialan atau perundingan dan perkhidmatan kepada watan.

Sudut pandangan UTM ialah pemerkasaan nilai-nilai 'P' ini akan secara langsung melonjakkan pencapaian universiti, baik penarafan global, kebolehpasaran graduan, kecemerlangan staf, mahupun kecemerlangan pelajar.

UTM mahu terus memperkukuhkan nilai-nilai deretan 'P' ini sebagai pasak utama yang dapat menjamin kelangsungan universiti pada masa kini dan masa depan.

Justeru, kecemerlangan versatil yang UTM raih khasnya bagi tahun 2023 dan 2024

adalah bukti komitmen UTM dalam menjayakan agenda pendidikan tinggi negara.

UTM akan terus memainkan peranan strategik dan signifikan dalam pelbagai peringkat dan akan terus bekerjasama dengan pelbagai pihak, khasnya Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kerajaan Malaysia, Kerajaan Negeri Johor dan kerajaan negeri lain, pihak industri, ahli-ahli komuniti dan agensi luar negara.

Berbekalkan Pelan Strategik enVision UTM 2025, universiti ini akan dipandu untuk terus cemerlang dalam segenap segi dan meraih kejayaan yang dapat membanggakan negara serta memacu pembangunan sektor pendidikan tinggi Malaysia.

Segala usaha ini dibuat atas slogan keramat universiti ini, 'Kerana Tuhan Untuk Manusia'. UTM, menginovasi penyelesaian demi kemaslahatan masyarakat, negara dan sarwajajat.

PROFESOR Datuk Ir. Dr. Ahmad Fauzi Ismail ialah Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Dasar TVET Negara 2030 bakal dilancar sempena HTN 2024



Seorang pelajar sedang menunjukkan bakatnya mengendalikan robot semasa hari pertama sambutan HTN 2024 pada Jumaat di ILP Kuala Langat, Banting.



REAKSI

“

Saya memang teruja dan ini kali pertama datang ke program HTN 2024. Memang suatu perkara baharu kerana banyak pendedahan berkaitan TVET yang kita tidak tahu tetapi didedahkan menerusi program ini.”



- Pelajar Akademi Binaan Malaysia (ABM), Muhammad Putra Aiymann Zulkifli, 23.

“

HTN 2024 membuka peluang pekerjaan kepada graduan-graduan TVET seperti saya dalam mencari kerja sesuai.”



- Pelajar Diploma Pengurusan Logistik, Jarred Pravin Swaminathan, 25.

“

HTN 2024 ini penting untuk kita, kerana dapat banyak pengalaman baharu dan tahu pelbagai perkara untuk perkembangan masa depan.”



- Pelajar ILP Kuala Langat, Aina Safina Mohd Nizan, 20.

Jadi rujukan utama, perkasa modal insan berkemahiran tinggi

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN
KUALA LANGAT

Hari Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara (HTN) 2024 bakal menyaksikan peluncuran Dasar TVET Negara 2030 yang bakal mengubah hala tuju pembangunan bidang itu di negara ini.

Dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 8 Jun ini, dasar tersebut akan menjadi rujukan utama seluruh institusi TVET sekali gus memastikan semua program kemahiran bidang tersebut dilaksanakan secara lebih efektif dan berkesan.

Menurut Ketua Sekretariat Majlis TVET Negara (MTVET), Dr Mohd Faizal Tokeran berkata, ketika ini terdapat 12 kementerian yang melaksanakan TVET dan 1,345 institusi yang mana dasar tersebut merupakan satu keperluan bagi memastikan ekosistem TVET dapat diselaraskan dan dijalankan secara tersusun.

“Sebab itu, TVET akan terangkum melalui dasar ini dalam pelbagai bidang bermula daripada tahap awal sehingga kepada tahap yang tinggi,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Sinar Harian* ketika ditemubual di HTN 2024 yang berlangsung di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Langat, Banting, di sini pada Jumaat.

Turut hadir dalam HTN 2024 ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Program HTN 2024 yang berlangsung selama dua hari bermula Jumaat itu

menawarkan pelbagai pengisian menarik melibatkan bidang TVET yang merangkumi lima hab aktiviti utama iaitu pameran, seminar, karnival kerjaya, keusahawanan serta cabaran TVET.

Selain itu, ujar Mohd Faizal, pertandingan *Junior Skill Malaysia* (JSM) melibatkan kategori dron dan *mobile robotic* dijangka akan menjadi tarikan pengunjung sepanjang berlangsungnya Hari TVET Negara 2024.

Menurutnya, anjuran pertandingan berkenaan merupakan sebahagian daripada inisiatif cabaran TVET sebagai salah satu hab aktiviti utama HTN 2024.

“Selain daripada aktiviti-aktiviti yang akan berlangsung, salah satu tarikannya ialah pertandingan dron, di situ akan menonjolkan dari segi bagaimana teknologi diaplikasikan berdasarkan kepada proses pembelajaran yang kebanyakan pelajar ikuti.

“Melalui tempoh pembelajaran mereka, ia dapat diaplikasikan dalam bentuk interaktif, pertandingan dan sebagainya,” ujarnya.

Sambutan pengunjung

Sementara itu, kata Mohd Faizal, sambutan pengunjung yang hadir ke HTN 2024 juga memberangsangkan dan melebihi sasaran awal yang ditetapkan.

“Satunya, kita dapat lihat dari kalangan pelajar-pelajar sekolah kemudian dari pelajar institusi TVET sendiri. Kemudian kita dapat lihat juga pengunjung untuk TVET *Jobfair*.

“Peringkat awalnya kita jangkakan lebih daripada 100,000 yang akan hadir dalam sesi HTN 2024 dan berdasarkan sambutan setakat ini, Insya-ALLAH kita positif dan yakin sasaran berkenaan akan dapat dicapai,” jelasnya.

Dalam pada itu, ulas Mohd Faizal, dari segi rangka pelaksanaan HTN 2025, pihaknya sedang merangka beberapa perancangan awal untuk menambah baik dan menyebarkan luas secara lebih komprehensif dan efektif.

Lima hab utama aktiviti HTN 2024

Hub Pertama : TVET Exhibition

- Pameran kisah kejayaan graduan.
- Pameran teknologi oleh Industri.
- Pameran program TVET daripada 12 Kementerian.
- *Pocket Talk* Hari Terbuka (Open day).
- Aktiviti demonstrasi Kemahiran.

Hub Kedua : TVET Seminar

- Seminar kerjaya TVET.
- Perkongsian maklumat ekosistem TVET.

Hub Ketiga : TVET Job Fair

- MyFutureJob Karnival Kerjaya.
- Temuduga terbuka industri.

Hub Keempat : TVET Entrepreneur

- TVET Success Story’.
- Pameran produk usahawan TVET.

Hub Kelima : TVET Challenge

- Drone & Robot Challenge’.
- Junior Skill Malaysia (JSM).



“

Melalui tempoh pembelajaran mereka, ia dapat diaplikasikan dalam bentuk interaktif, pertandingan dan sebagainya.”

- Mohd Faizal

Jadikan TVET pilihan utama

Seiring keperluan negara dalam menyediakan lebih banyak tenaga kerja mahir

BANTING

Malaysia perlu bergerak ke arah menjadikan bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) sebagai pilihan utama lepasan sekolah menengah, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa TVET Negara berkata, saranan itu seiring keperluan negara dalam menyediakan lebih banyak tenaga kerja mahir atau berketerampilan bagi memenuhi keperluan sektor pekerjaan pada masa akan datang.

"Kita perlu bergerak ke hadapan dengan mengikuti

negara maju lain seperti Jepun, dengan TVET menjadi pilihan utama lepasan sekolah menengah berumur 15 tahun dan ke atas.

"Di Malaysia, Kementerian Pendidikan juga telah memulakan Pendidikan TVET melalui Kolej Vokasional kepada lepasan Tingkatan Tiga dan usaha ini perlu diperkasakan lagi agar TVET menjadi pilihan utama di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau tapak pameran bersempena dengan sambutan Hari TVET Negara 2024 di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Langat di sini pada Jumaat.

Ahmad Zahid berkata, ketika ini terdapat lebih 4,000 kursus yang ditawarkan melalui 1,345 institusi TVET di seluruh negara dengan tawaran memasuki sebanyak 250,000 tempat.

Daripada jumlah itu, pihaknya menerima 280,000 permohonan daripada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan berharap sekurang-kurangnya 40 peratus daripada permohonan itu dapat memula-



Ahmad Zahid (tengah) pada sesi lawatan sekitar tapak Program Hari TVET Negara 2024 di ILP Kuala Langat di Banting pada Jumaat.

kan pengajian pada sesi memasuki Julai ini.

"Kita harap ibu bapa boleh memainkan peranan dengan menggalakkan anak-anak mereka mengikuti pendidikan TVET yang diketahui dapat menjanjikan lebih peluang pekerjaan dengan gaji lebih tinggi," katanya.

Dalam pada itu, Timbalan Perdana Menteri berkata, pelajar yang tidak hadir menduduki peperiksaan SPM 2023

juga layak mengikuti pengajian di institusi TVET dengan syarat minimum mereka perlu menguasai teknik 3M iaitu membaca, menulis dan mengira.

"Ia antara usaha kerajaan dalam memastikan masa depan mereka lebih terjamin melalui kemahiran yang diperoleh menerusi pendidikan TVET.

"Malah, kita juga menggalakkan pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam SPM untuk menyambung

pengajian ke peringkat lebih tinggi dalam bidang TVET di lima universiti TVET, antaranya UniKL, Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Malaysia Perlis," katanya.

Berhubung sambutan Hari TVET Negara 2024, Ahmad Zahid berpuas hati dengan perjalanan program dan aktiviti yang dilaksanakan. Setakat Jumaat, lebih 10,000 orang mengunjungi sambutan tersebut.

- Bernama

BH Sabtu, 8 Jun 2024

Nasional

3

Hari TVET Negara 2024

Lepasan SPM dipelawa sertai TVET

Pelajar cemerlang berpeluang singkatkan tempoh pengajian

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Banting: Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan keputusan cemerlang dipelawa menyertai bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, peluang menyertai TVET juga wajar dipertimbangkan golongan berkenaan, terutama lepasan SPM yang cemerlang dalam subjek Sains, Tek-

nologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Katanya, peluang melanjutkan pengajian dalam bidang TVET terbuka kepada mana-mana individu yang berminat, selain ia tidak hanya terhad kepada lepasan SPM dengan keputusan kurang cemerlang.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Majlis TVET Negara berkata, pembabitan lepasan SPM dengan keputusan cemerlang dalam bidang TVET antara lain dipercayai mampu memendekkan tempoh kursus yang perlu dijalani mereka.

"Kira-kira 11,173 (lepasan SPM) yang dapat semua A dan mereka boleh memilih TVET kerana peluang untuk memasuki kolej dan universiti TVET juga ada. Kini terdapat lima universiti TVET di negara, termasuk Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

"Mereka boleh memilih untuk terus masuk (pengajian) di pe-



Ahmad Zahid menyaksikan peserta Pertandingan Mobile Robotics sempena Hari TVET Negara 2024 di Institut Latihan Perindustrian Kuala Langat, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

ringkat awalan atau melalui Gi-atMara, Institut Kemahiran MARA, kolej komuniti dan sebagainya. Peluang terbuka luas untuk mereka masuk ke universiti.

"Selain itu, mereka juga boleh bekerja sambil belajar, selain ada kursus ditawarkan yang bersesuaian dengan jadual kerja anjal," katanya pada sidang media selepas melakukan jelajah mesra ke Hari TVET Negara di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad; Timbalan Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk

Seri Dr Noraini Ahmad serta Pengerusi Majlis Amanah Rakyat, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

40 peratus lepasan SPM 2023

Sementara itu, Ahmad Zahid berharap pengambilan kumpulan pertama pelajar yang akan mula melanjutkan pengajian dalam bidang TVET pada Julai ini, terdiri daripada sekurang-kurangnya 40 peratus lepasan SPM 2023.

"Setakat ini, 250,000 tempat (disediakan) untuk menyertai TVET, manakala terdapat kira-kira 280,000 lepasan SPM berpotensi memohon (untuk melan-

jutkan pengajian dalam bidang TVET).

"Permohonan menyertai mana-mana institusi berkaitan TVET boleh dibuat menerusi UPU TVET dengan lebih 4,000 kursus ditawarkan. Mereka boleh pilih mengikut kesesuaian masing-masing.

"Kursus ditawarkan ini sesuai dengan permintaan pelaburan asing, selain pengambilan bagi syarikat domestik dan antara-bangsa yang memberi peluang pekerjaan dibuat berdasarkan tenaga mahir yang telah memasuki kursus TVET," katanya.

BH Sabtu, 8 Jun 2024

Nasional

3

Hari TVET Negara 2024

Lepasan SPM dipelawa sertai TVET

Pelajar cemerlang berpeluang singkatkan tempoh pengajian

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Banting: Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan keputusan cemerlang dipelawa menyertai bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, peluang menyertai TVET juga wajar dipertimbangkan golongan berkenaan, terutama lepasan SPM yang cemerlang dalam subjek Sains, Tek-

nologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Katanya, peluang melanjutkan pengajian dalam bidang TVET terbuka kepada mana-mana individu yang berminat, selain ia tidak hanya terhad kepada lepasan SPM dengan keputusan kurang cemerlang.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Majlis TVET Negara berkata, pembabitan lepasan SPM dengan keputusan cemerlang dalam bidang TVET antara lain dipercayai mampu memendekkan tempoh kursus yang perlu dijalani mereka.

"Kira-kira 11,173 (lepasan SPM) yang dapat semua A dan mereka boleh memilih TVET kerana peluang untuk memasuki kolej dan universiti TVET juga ada. Kini terdapat lima universiti TVET di negara, termasuk Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

"Mereka boleh memilih untuk terus masuk (pengajian) di pe-



Ahmad Zahid menyaksikan peserta Pertandingan Mobile Robotics sempena Hari TVET Negara 2024 di Institut Latihan Perindustrian Kuala Langat, semalam.
(Foto Faiz Anuar/BH)

ringkat awalan atau melalui Gi-atMara, Institut Kemahiran MARA, kolej komuniti dan sebagainya. Peluang terbuka luas untuk mereka masuk ke universiti.

"Selain itu, mereka juga boleh bekerja sambil belajar, selain ada kursus ditawarkan yang bersesuaian dengan jadual kerja anjal," katanya pada sidang media selepas melakukan jelajah mesra ke Hari TVET Negara di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad; Timbalan Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk

Seri Dr Noraini Ahmad serta Pengerusi Majlis Amanah Rakyat, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

40 peratus lepasan SPM 2023

Sementara itu, Ahmad Zahid berharap pengambilan kumpulan pertama pelajar yang akan mula melanjutkan pengajian dalam bidang TVET pada Julai ini, terdiri daripada sekurang-kurangnya 40 peratus lepasan SPM 2023.

"Setakat ini, 250,000 tempat (disediakan) untuk menyertai TVET, manakala terdapat kira-kira 280,000 lepasan SPM berpotensi memohon (untuk melan-

jutkan pengajian dalam bidang TVET).

"Permohonan menyertai mana-mana institusi berkaitan TVET boleh dibuat menerusi UPU TVET dengan lebih 4,000 kursus ditawarkan. Mereka boleh pilih mengikut kesesuaian masing-masing.

"Kursus ditawarkan ini sesuai dengan permintaan pelaburan asing, selain pengambilan bagi syarikat domestik dan antarabangsa yang memberi peluang pekerjaan dibuat berdasarkan tenaga mahir yang telah memasuki kursus TVET," katanya.

20 syarikat tawar lebih 3,000 peluang kerjaya

Banting: Penganjuran Hari Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara bermula semalam mendapat sambutan dengan tumpuan utama membabitkan graduan yang mahu merebut lebih 3,000 peluang pekerjaan ditawarkan.

Peluang pekerjaan itu ditawarkan lebih 20 syarikat bersempena program dua hari yang berlangsung di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Langat, di sini.

Bagi graduan Diploma Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif daripada Politeknik Sultan Azlan Shah, K Kaviarasan, dia semestinya tidak mahu melepaskan peluang untuk mencuba nasib selepas kira-kira setahun tidak bekerja akibat terbabit kemalangan.

"Akibat kemalangan saya terpaksa berehat selama setahun selepas pembedahan.

"Sebelum ini, saya ada menghadiri pelbagai temu duga kerja, namun disebabkan dalam proses pemulihan (selepas pembedahan), saya tidak *fit* (cukup kuat) untuk melakukan kerja fizikal yang berat.

"Memandangkan sambutan Hari TVET Negara dianjurkan di sini, saya mengambil peluang untuk menghantar permohonan

kerja kepada beberapa syarikat. Semoga ada rezeki saya kali ini," katanya yang memiliki pengalaman sebagai juruteknik automotif selama enam tahun.

Pelajar Diploma Pengajian Islam Universiti Sultan Azlan Shah, Amir Amsyar Nooradren, pula berkata kehadiran nya ke

karnival berkenaan untuk mendapatkan lebih maklumat berkenaan bidang TVET.

"Saya juga meninjau jika ada program menarik terutamanya dalam bidang elektrik yang boleh disertai selepas tamat pengajian di peringkat diploma kelak," katanya yang berasal da-

ri Puchong.

Pelbagai program menarik menanti pengunjung sepanjang dua hari program antaranya pameran dan demonstrasi kemahiran oleh institusi TVET, permohonan secara langsung menyertai program TVET, pameran teknologi oleh pihak industri, pameran aeroang-

kasa dan kenderaan elektrik.

Ketua Sekretariat Majlis TVET Negara, Dr Mohd Faizal Tokeran, berkata aktiviti dan program yang akan berlangsung terangkum dalam lima hab iaitu TVET Exhibition, TVET Seminar, TVET Job Fair, TVET Entrepreneur dan TVET Challenge.



Kaviarasan (kiri) mengisi borang permohonan jawatan kosong pada Karnival Kerjaya sempena Hari TVET Negara 2024 di Institut Latihan Perindustrian Kuala Langat, semalam.

Ibadat & Fadilat

Abdullah Mas'ud RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya tiyarah (firasat buruk) sebahagian amalan syirik dan bukan daripada ajaran kami, tetapi Allah SWT akan menghilangkan tiyarah itu dengan bertawakal kepada-Nya." (HR Tirmizi)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:48	1:20	4:46	7:34	8:50
Alor Setar	5:49	1:20	4:46	7:33	8:49
P. Pinang	5:51	1:20	4:46	7:32	8:48
Ipoh	5:50	1:18	4:44	7:28	8:44
Kuala Lumpur	5:50	1:15	4:41	7:24	8:39
Shah Alam	5:50	1:15	4:41	7:24	8:39
Johor Bahru	5:44	1:06	4:32	7:12	8:27
Kuantan	5:44	1:09	4:35	7:17	8:33
Seremban	5:50	1:14	4:39	7:21	8:36
Bandar Melaka	5:49	1:13	4:38	7:19	8:34
Kota Bharu	5:42	1:13	4:38	7:26	8:37
K. Terengganu	5:40	1:09	4:34	7:20	8:36
Kota Kinabalu	4:47	12:17	3:43	6:29	7:45
Kuching	5:19	12:42	4:07	6:47	8:02

Disalur kepada golongan sasar menerusi PTPK

Oleh AISYAH BASARUDDIN BANTING

Peruntukan tambahan RM200 juta perkasa TVET

FOTO: UNIT KOMUNIKASI KORPORAT KKDW



Anwar, Ahmad Zahid dan Steven meluangkan masa beramah mesra bersama pelajar TVET ketika sambutan Hari TVET Negara 2024 pada Sabtu.

Kerajaan bersetuju memberikan peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta bagi memperkasa bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, peruntukan bakal disalurkan kepada golongan sasar menerusi Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dan tanggungjawab menguruskannya terletak di bawah seliaan Pengerusi Majlis TVET Negara, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

"Perkara ini diserahkan kepada Ahmad Zahid untuk memutuskan keutamaannya kerana beliau mempunyai mandat penuh daripada Jemaah Menteri bagi melaksanakan TVET dan beliau lakukan de-

ngan berjaya.

"Ini kerana kita mahu perkasakan bidang-bidang seperti kenderaan elektrik (EV), ke-

selamatan siber, kecerdasan buatan (AI), bahan termaju, teknologi elektrik dan lain-lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Sambutan Hari TVET Negara 2024 di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Langat di sini pada Sabtu.

Hadir sama, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong; Menteri Pertanian dan

Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu; Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh dan Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek.

Selain itu ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Setiausaha Kerajaan Negeri

Selangor, Datuk Haris Kasim.

Sementara itu, menurut Anwar yang juga Menteri Kewangan, pihaknya bersetuju untuk membuka lebih banyak segmentasi TVET kepada golongan orang kurang upaya (OKU) dan penduduk luar bandar khususnya masyarakat orang asal di Sabah serta Sarawak.

Hal itu kerana jelasnya, pendekatan tersebut selari dengan penerapan dasar dan Kerangka Ekonomi Madani.

"Saya fikir tiada masalah, kita boleh luluskan (peruntukan). Oleh itu, kita perlu beri laluan seperti dicadangkan Pengerusi Majlis TVET Negara.

"Justeru, saya harap setinggi-tingginya daripada anak-anak pelajar, pelatih dan pensyarah untuk lihat bidang TVET ini menerusi kaca mata bahawa Malaysia mampu diangkat sebagai negara hebat serta berteknologi pada masa depan.

"Bukan sahaja soal mendapat pekerjaan tetapi pekerjaan dengan pendapatan yang lebih tinggi," ujar beliau lagi.

REAKSI

“

Belia lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memang perlu menyambung pengajian dalam bidang TVET kerana kebolehpasaran selepas menamatkan kursus adalah lebih tinggi berbanding graduan lepasan universiti. Ini kerana graduan TVET memenuhi keperluan industri dari segi kemahiran dan kepakaran bidang pilihan masing-masing, selain gaji juga lebih beraloi."

- Pelajar bidang pemesinan am, Muhammad Hafiz Izzuddin Abdul Jalil, 22



“

Usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sentiasa mengambil berat tentang TVET memang benar-benar menyentuh hati ramai pihak terutamanya pelatih dan tenaga pengajar. Beliau sememangnya tahu bahawa kepakaran graduan lepasan TVET ini mampu membawa nama Malaysia setanding negara luar seperti Jepun dan Jerman."

- Pelajar Bidang Perniagaan Antarabangsa Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Nur Nabilah Farhanah Che Nasir, 21



“

Saya teruja hadir pada Sambutan Hari TVET Negara untuk tambah pengetahuan mengenai TVET memandangkan saya sukakan bidang teknologi. Usaha sebegini perlu diperkasakan lagi kerana anak-anak muda berpeluang untuk tahu lebih lanjut tentang kebolehpasaran graduan TVET dan bidang kemahiran yang ditawarkan."

- Pelajar Kolej Komuniti Kuala Langat, Reeshitra Kumanan, 19



Ubah persepsi tentang TVET - Ahmad Zahid

BANTING - Ibu bapa kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) perlu mengubah persepsi tentang program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kerana agenda baharu itu berupaya melahirkan tenaga mahir tempatan berkemahiran tinggi.

Pengerusi Majlis TVET Negara, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, mereka yang memilih bidang TVET sebagai laluan kerjaya tidak semestinya gagal mengorak masa depan, seperti juga graduan lepasan universiti.

Sebaliknya, menurut beliau, bidang kemahiran dengan konsep sama seperti TVET amat diraikan di negara luar, contohnya Jepun yang melaksanakan model KOSEN.

"Ibu bapa di Jepun memilih KOSEN iaitu laluan pembelajaran selama lima tahun

sebagai pilihan pertama, jadi saya mahu persepsi ini turut berubah dalam kalangan ibu bapa di negara ini.

"Maka, kerajaan menyasarkan agar TVET menjadi pilihan utama. Kita mesti melihat keupayaan negara untuk mewujudkan pekerja berkemahiran," katanya pada Sabtu.

Tarikh 2 Jun setiap tahun dipilih sebagai Hari TVET Negara bagi menghargai jasa, sumbangan dan kejayaan bidang TVET dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Sementara itu, Ahmad Zahid yang merupakan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah turut mencadangkan



AHMAD ZAHID

supaya Sambutan Hari TVET Negara diadakan di peringkat sekolah pada setiap tahun.

Tambah beliau, ini kerana inisiatif tersebut mampu memberikan pemahaman dan pendedahan awal kepada pelajar yang bakal menamatkan zaman persekolahan sebelum melangkah ke alam pekerjaan.

"Selain itu, kerajaan perlu mewujudkan lebih banyak segmen khusus seperti TVET buat pelajar tahfiz, orang kurang upaya (OKU) Orang Asli dan anak-anak di luar bandar.

"Sediakan juga pembiayaan tambahan bagi meningkatkan pembangunan kemahiran bernilai tinggi dan peluang pekerjaan," ujarinya.

Sambutan Hari TVET Negara

Kerajaan tambah baik program, bidang TVET tingkat daya tarikan

Institusi TVET diberi autonomi jana pendapatan pastikan akses latihan berkualiti

Kuala Lumpur: Dasar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara 2030 menekankan imej program itu perlu ditambah baik dan diperkukuh melalui promosi yang berkesan untuk meningkatkan daya tarikan kepada bidang TVET.

Di bawah teras TVET Pilihan Utama Kerjaya, dasar itu melihat keterlihatan dan persepsi positif mampu memacu minat dan penerimaan masyarakat terhadap bidang TVET selepas persepsi dan stigma negatif bidang itu yang sering disalah erti sebagai pilihan kedua, berjaya ditangkis. "Graduan TVET kian mendapat perhatian daripada majikan. Peluang dan prospek kerjaya TVET perlu diberi penekanan bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman jelas kepada masyarakat," menurut dasar itu.

Ia menggariskan empat langkah, iaitu menyelaras pelaksanaan aktiviti promosi TVET yang berimpak tinggi, membina jena ma TVET kebangsaan tunggal, memantapkan imej TVET dan memperkasa peranan kaunselor serta mewujudkan bimbingan kerjaya.

"Bagi meningkatkan akses kepada TVET yang berkualiti, imej bidang itu perlu ditambah baik dan diperkukuh melalui promosi yang berkesan untuk meningkatkan daya tarikan ke arah bidang TVET.

"Melalui strategi yang komprehensif, imej TVET terus diperkukuh dan menjadi laluan kerjaya pilihan yang utama.

"Ia bukan hanya tertumpu kepada peluang dan penempatan pekerjaan, malah bidang TVET juga menawarkan gaji setimpal dengan tahap kemahiran, kompetensi individu," menurut Dasar TVET Negara 2030.


Tampung perbelanjaan

Sementara itu, dasar sama juga menggariskan pemberian autonomi kepada institusi TVET untuk menjana pendapatan bagi memastikan akses kepada program latihan yang berkualiti di-realisasikan secara berterusan.

"Pembiayaan salah satu tunjang utama dalam memastikan kelancaran operasi pelaksanaan TVET.

"Pelaksanaan program TVET memperuntukkan perbelanjaan yang tinggi dalam penyediaan infrastruktur dan keperluan latihan termasuklah bagi peningkatan kemahiran tenaga pengajar.

"Penciptaan dan penjanaan sumber pendapatan baharu mampu menampung perbelanjaan pelaksanaan TVET tanpa mempengaruhi kualiti program yang ditawarkan," menurut Dasar TVET Negara 2030 sambil



menambah pada masa ini, pengoperasian institusi TVET dilihat terlalu bergantung kepada dana kerajaan.

Bagi tujuan itu, Dasar TVET Negara 2030 menggariskan inisiatif utama, iaitu perluasan skop pembiayaan mencakupi program TVET yang berkaitan; penyelarasan kadar yuran program TVET; penambahbaikan model kutipan bayaran balik pinjaman serta pembiayaan oleh yayasan, pertubuhan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau bank.

"Memperuntukkan pembiaya-

an berasaskan prestasi daripada kerajaan untuk merangsang penyedia TVET melalui pembiayaan berdasarkan prestasi penarafan tunggal program TVET, semakan semula dasar pembiayaan TVET.

"Strategi seterusnya, membangunkan model operasi yang mampan-institusi. Inisiatif utama adalah mempelbagaikan sumber pendapatan melalui pelaksanaan kursus jangka pendek, geran padanan dan pembiayaan industri.

"Selain itu, penambahbaikan

dasar berkaitan sumbangan peralatan serta pemberian autonomi kepada institusi TVET untuk menjana pendapatan," menurut dasar berkenaan.

Justeru, model pembiayaan yang optimum perlu diperhalusi bagi memastikan kelestarian peruntukan dana TVET, pelbagai sumber dana alternatif perlu diteroka dan dimanfaatkan seterusnya membolehkan peruntukan dana TVET dilaksanakan secara telus dan holistik bagi mewujudkan budaya dipacu prestasi.

Garis panduan komprehensif pastikan capai hala tuju

Kuala Lumpur: Dasar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara 2030 menjadi garis panduan komprehensif yang menetapkan aspirasi dan hala tuju kerajaan bagi memastikan penyelarasan pelaksanaan TVET secara holistik bermula tahun ini sehingga 2030.

Kejayaan pelaksanaan dasar berkenaan sangat signifikan untuk mengekalkan daya saing global terutama dalam bidang TVET yang bermatlamat untuk melahirkan pekerja berkemahiran dengan pendapatan tinggi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melalui amanat dalam dokumen Dasar TVET Negara 2030, berkata Kerangka

Ekonomi MADANI diperkenalkan kerajaan sebagai instrumen untuk menangani isu-isu sosial dan ekonomi negara secara komprehensif.

"Kerangka ini adalah garapan strategi menyeluruh untuk menggiatkan semula landskap ekonomi Malaysia melalui perungkaian cabaran sedia ada dan penumpuan kepada bidang utama untuk pertumbuhan dan daya tahan mampan.

"Reformasi ekonomi ini turut akan dipercepat dengan melonjakkan industri pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi (HGHV) yang dikenal pasti sebagai sebahagian daripada anjakan besar dalam Kajian Sepuluh Penggal Rancangan Ma-

laysia Ke-12.

"Bagi merealisasikan komitmen tersebut, kerajaan telah memberi tumpuan kepada pembangunan bakat tersedia masa hadapan selaras dengan keperluan industri dan perkembangan teknologi. Justeru, Dasar TVET Negara 2030 dibangunkan sebagai garis panduan komprehensif untuk pelaksanaan TVET di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, Dasar TVET Negara 2030 dengan tumpuan utama untuk melahirkan pekerja berkemahiran dengan pendapatan tinggi, menggariskan hala tuju yang jelas dalam memperkukuh pembangunan bakat dan modal insan negara.

"Kerajaan akan memastikan

setiap strategi dan inisiatif dilaksanakan secara bersungguh-sungguh dan memberi manfaat kepada rakyat melalui prospek pekerjaan berkemahiran tinggi, sekali gus menjanjikan pendapatan lumayan," katanya.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Majlis TVET Negara, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi melalui amanat dalam dokumen sama, menegaskan dasar berkenaan amat relevan dengan langkah kerajaan untuk mentransformasi dan memperkasa TVET di negara ini.

"Dasar yang komprehensif perlu dibangunkan dan digubal bagi menjayakan hasrat meningkatkan martabat TVET, seterusnya

menjadi pilihan kerjaya utama dalam kalangan belia. Dasar ini satu dokumen yang menggambarkan aspirasi kerajaan dalam menentukan hala tuju TVET negara.

"Dasar yang telah digubal adalah bersifat menyeluruh dan akan menjadi sumber rujukan dalam setiap inisiatif yang dirancang serta dilaksanakan oleh penyedia TVET awam, swasta serta semua kementerian yang terbabit dengan pelaksanaan TVET," katanya.


Beliau berkata, pembangunan Dasar TVET Negara 2030 turut mengambil kira dasar berkaitan dan pembabit semua pihak berkepentingan bagi memastikan keterangkuman.

TIGA KEMULIAAN BULAN ZULHIJAH

Bulan haram penuh pancaran rahmat Ilahi



Bersama
Prof Dr
Engku Ahmad Zaki
Engku Alwi



ulan Zulhijah adalah bulan terakhir dalam kalendar Islam dan termasuk antara empat bulan haram yang dinyatakan Allah dalam al-Quran.

Kehadiran bulan Zulhijah juga amat dinanti-nantikan umat Islam terutama mereka yang sudah bersedia dalam segala segi untuk menyambut seruan Ilahi dalam melaksanakan ibadah haji.

Di samping itu, bulan Zulhijah juga menyaksikan tiga kemuliaan dalam satu bulan yang sewajarnya menjadi bahan renungan dan pengajaran bagi setiap Muslim yang bertakwa.

Ketiga-tiga kemuliaan yang terhimpun dalam bulan Zulhijah yang mulia itu ialah kemuliaan waktu, kemuliaan tempat dan kemuliaan musim haji.

Kemuliaan waktunya ialah kerana kita berada dalam bulan haji iaitu bulan haram yang setiap detik amat berharga di sisi Allah.

Detik-detik keemasan yang terhampar sepanjang Zulhijah adalah antara waktu yang paling afdal beribadat untuk mendekatkan diri ke hadirat Allah.

Dalam bulan mulia ini, ada satu hari yang dikatakan antara hari paling afdal di sisi Allah selain daripada Jumaat iaitu Hari Arafah.

Hari Arafah adalah bersempena amalan berwukuf di Padang Arafah yang merupakan salah satu daripada rukun fardu bagi umat Islam yang menunaikan haji di Tanah Suci.

Bagi umat Islam yang tidak mengerjakan haji, mereka dianjurkan pula berpuasa, berzikir dan melakukan amalan sunat lain pada hari tebabat sebagaimana sabda Rasulullah yang bermaksud: Berpuasa pada hari Arafah dinilai di sisi Allah sebagai penghapus dosa bagi setahun yang sebelumnya dan yang selepasnya. (Hadis Riwayat Muslim)

Kemuncak daripada itu, Hari Arafah adalah satu hari yang Allah akan membebaskan sesiapa yang menghadiri Padang Arafah dan memuliakan hari terbabat daripada api neraka.

Oleh kerana itu, hari

keesokannya adalah hari kesyukuran dan perayaan bagi umat Islam bagi menzahirkan kegembiraan dan kesyukuran ke hadirat Allah Taala.

Kemuliaan tempatnya pula ialah kerana jemaah haji yang melaksanakan ibadah haji kini berada di Tanah Suci iaitu Makkah dan Madinah.

Sejak dunia mengenal peradaban, Baitullah berdiri tegak sebagai benteng akidah kukuh yang tidak mudah digugah, apatah lagi dihapuskan.

Sebaliknya segala propaganda dan perancangan musuh Islam sentiasa gagal dan tidak kesampaian.

Justeru, Makkah dengan Baitullahnya diangkat sebagai simbol keimanan dan akidah. Pusat penyebaran akidah dan markas dakwah Islam yang pada asalnya dibangunkan atas tanah daratan gurun yang tandus dan kering-kontang akhirnya berupaya merubah perjalanan sejarah, menghancurkan kepercayaan keheralaan,

Zulhijah adalah bulan yang terkandung di dalamnya amalan ibadah yang besar ganjarannya di sisi Allah iaitu ibadah haji.

Ibadah haji ini sebenarnya mempunyai banyak pengertian suci terutama dalam mengeratkan jalinan hubungan antara Allah sebagai Khaliq dan Pencipta kepada alam semesta ini dan manusia sebagai makhluk-Nya dan ciptaan-Nya yang menghuni di alam ini sebagai khalifah-Nya.

Allah menyediakan ganjaran yang cukup besar bagi Muslim yang mengerjakan umrah dan haji pada bulan terbabat melalui sabda Rasulullah yang bermaksud: Daripada satu umrah kepada umrah yang berikutnya adalah penghapus semua kesalahan dan dosa yang berlaku antara keduanya. Haji yang mabrur (yang dilakukan dengan ikhlas dan sempurna) itu tidak ada ganjarannya yang setimpal melainkan syurga. (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

“Sabda Rasulullah yang bermaksud: Daripada satu umrah kepada umrah yang berikutnya adalah penghapus semua kesalahan dan dosa yang berlaku antara keduanya. Haji yang mabrur (yang dilakukan dengan ikhlas dan sempurna) itu tidak ada ganjarannya yang setimpal melainkan syurga”

Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim

merobohkan masyarakat jahiliah dan menggugat sendi-sendi peradaban dunia sedia ada ketika itu sehingga Makkah muncul sebagai pusat pancaran Islam yang menyinari kegelapan dunia.

Sehubungan itu, setiap jemaah haji ataupun umrah yang berada di Tanah Suci wajib memelihara kesucian tempat mulia ini dengan mentaati semua perintah dan larangan Ilahi serta peraturan yang ditetapkan pihak berkuasa di sana.

Oleh sebab itu, Allah memberi peringatan keras terhadap sesiapa yang cuba melakukan kerosakan secara zalim dalam Masjidil Haram lewat firman-Nya yang bermaksud: Dan sesiapa yang berazam melakukan di situ sebarang perbuatan yang dilarang dengan cara yang zalim, Kami akan merasakannya azab yang tidak terperi sakitnya. (Surah al-Hajj, ayat 25)

Manakala kemuliaan musimnya ialah kerana bulan

Kemuliaan musim haji ini pada hakikatnya tidak dapat dinilai kebesarannya, kelebihannya dan keistimewaannya kerana di dalamnya terlihat banyak manfaat yang dapat dipetik dan banyak kesempatan yang dapat dimanfaatkan, sekali gus merupakan saat-saat indah dan keemasan yang dilalui jemaah haji dengan penuh keinsafan dan keikhlasan demi meraih keredaan Ilahi dan kebahagiaan abadi di akhirat kelak.

Segala hikmah dan pelbagai pengajaran yang terhimpun dalam musim haji sewajarnya dimanfaatkan sepenuhnya oleh setiap jemaah haji bermula daripada kesatuan umat Islam yang datang dari berbagai-bagai bangsa dan negara, mempererat hubungan ukhuwah dan menghapuskan segala bentuk perpecahan atau persengketaan meskipun negeri mereka berjauhan, bahasa mereka berlainan dan warna kulit mereka yang berbeza.

Namun, kini umat Islam di Tanah Suci sudah dipersatukan oleh akidah yang satu, tempat dan musim yang satu, musim yang penuh cucuran rahmat Ilahi kepada Muslim yang benar-benar bertakwa.

Dari tempat suci turunnya wahyu dan terbitnya risalah Islam ini akan terpancar akidah tauhid yang mapan, ikatan ukhuwah yang kukuh, risalah perdamaian yang konkrit, dengan demikian diharapkan melalui pertemuan dan perhimpunan bersejarah sesama Muslim di tempat dan waktu yang sangat mulia, segala masalah, krisis dan kemelut yang dihadapi umat Islam dari serata dunia dapat diatasi selain menemui titik-titik penyelesaian dan permuafakatan yang jitu dalam menghadapi arus globalisasi pada era pascamoden ini yang tidak banyak memberi erti dan manfaat apabila dibandingkan dengan kemuliaan musim haji yang tersingkap di dalamnya makna yang luhur.

Perlu diinsafi bahawa risalah Islam adalah risalah yang sungguh agung dan amanah yang cukup besar. Oleh itu, umat Islam dewasa ini sangat memerlukan kepada satu kesatuan dan perpaduan ummah yang utuh dalam menghadapi ancaman dan cabaran pascamodenisme ini di bawah naungan satu panji, bersandar pada satu kiblat, maka warna kulit, bahasa, tempat tinggal, semuanya akan terikat menjadi satu syiar Islam.

Hanya di bawah naungan panji Islam dengan suluhan wahyu al-Quran dan sunnah Rasulullah, baru umat Islam dapat bangkit berperanan sebagai umat terbaik dan contoh kepada sekalian alam.

Demikian kemuliaan yang terhampar sepanjang bulan Zulhijah yang sewajibnya diambil iktibar bukan sahaja oleh setiap jemaah haji, bahkan juga umat Islam yang berada di luar sempadan Tanah Suci untuk sama-sama mengambil inisiatif dan mengorak langkah untuk menjana akidah tauhid yang ampuh dan menjalin ikatan ukhuwah yang utuh dalam usaha menobatkan kembali kecemerlangan umat Islam dalam pelbagai aspek kehidupan sejagat.

Penulis Dekan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)



Detik-detik keemasan yang terhampar sepanjang Zulhijah adalah antara waktu yang paling afdal beribadat untuk mendekatkan diri ke hadirat Allah

Dasar TVET hapus stigma bidang kemahiran kerjaya kelas kedua

- Ibu bapa perlu perbetul persepsi anak yang mungkin melihat 'tiada masa depan' jika memasuki bidang kemahiran, selain memujuk dan menerangkan kepada anak kelebihan TVET untuk kerjaya mereka

- Generasi hari ini perlu membuang jauh pemikiran 'TVET bidang kelas kedua' atau termasuk dalam kategori sektor pekerjaan 3D iaitu 'dirty' (kotor), 'difficult' (sukar) dan 'dangerous' (bahaya)



Timbalan Pendaftar,
Fakulti Perhutanan
Dan Alam Sekitar,
Universiti
Putra Malaysia

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed
bhrencana@bh.com.my

Masyarakat secara umum masih membincangkan apakah nasib 10,160 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 seluruh negara yang tidak hadir menduduki peperiksaan berkenaan tahun lalu.

Itu belum lagi nasib calon tidak layak memperoleh sijil kerana gagal sama ada subjek Bahasa Melayu atau Sejarah atau kedua-duanya.

Oleh itu, peluang disediakan kerajaan melalui Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) wajar menjadi platform penting yang membuka peluang kedua dan memberi harapan baharu

kepada belia tercicir untuk menggapai masa depan cemerlang.

Tambahan pula, kerajaan bersetuju memberi peruntukan tambahan RM200 juta untuk memperkasa bidang TVET seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Ia adalah tambahan kepada peruntukan RM6.8 bilion diumumkan dalam Belanjawan 2024 dibentangkan tahun lalu.

Ironinya tidak mengambil peperiksaan atau gagal dalam SPM tidak boleh dirumuskan sebagai gagal selamanya atau kecundang dalam hidup kerana masih banyak peluang untuk remaja ini mencipta masa depan diinginkan.

Justeru, diharap calon ini mengambil peluang disediakan untuk segera mendaftar mana-mana kursus kemahiran diminati bagi mengikuti TVET di 1,345 institusi latihan TVET seluruh negara yang mampu menerima kira-kira 280,000 pelatih.

Hakikatnya, syarat kemasukan TVET sangat fleksibel dengan sedia menerima mereka menguasai tahap minimum 3M iaitu 'membaca, menulis dan mengira'. Menariknya kelulusan TVET boleh dijadikan batu loncatan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Malah peluang juga terbuka kepada lulusan TVET jika mereka mahu bekerja terlebih dahulu selepas memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 dan SKM Tahap 2 dengan tawaran gaji lebih menarik daripada industri yang memerlukan

kan pekerja berkemahiran tinggi.

Belia juga disediakan peluang bekerja sambil belajar atau belajar sambil bekerja kerana TVET turut menawarkan kursus bersesuaian dengan masa anjal atau lebih fleksibel.

Pihak kerajaan cukup serius memperkasa TVET sebagai kerjaya pilihan rakyat khususnya belia, justeru usaha ini perlu disahut untuk memperoleh manfaat dan mencorak masa depan diri.

Lihat TVET sebagai kerjaya masa depan

Sebelum ini tinjauan hasil kaji selidik Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) untuk Eksekutif 2023 membabitkan 262 syarikat swasta mendapati hanya 39.6 peratus mengambil lulusan TVET, sekali gus membuka peluang luas kepada graduan bidang kemahiran mendapatkan pekerjaan seurus tamat latihan dengan kadar gaji setimpal dan berpadanan kemahiran dimiliki.

Maka, apa yang diharapkan adalah ibu bapa dan belia perlu mengubah persepsi dan tidak lagi menganggap TVET sebagai pilihan pengajian atau kerjaya kelas kedua.

TVET perlu dilihat sebagai kerjaya masa hadapan

“Syarat kemasukan TVET sangat fleksibel dengan sedia menerima mereka menguasai tahap minimum 3M iaitu ‘membaca, menulis dan mengira’. Menariknya kelulusan TVET boleh dijadikan batu loncatan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi”

pan yang boleh meningkatkan pendapatan dan menyumbang kepada proses pembangunan serta kemajuan negara hasil kerja anak watan sendiri.

Justeru buang jauh-jauh budaya hanya mahu kerja kolar putih dan usah memandang sebelah mata bidang TVET yang dilabel kerja kolar biru, sebaliknya belia perlu tingkatan semangat jati diri dan daya saing untuk berani meneroka peluang disediakan dalam bidang kemahiran.

Dalam hal ini peranan ibu bapa dilihat sangat penting untuk memperbetulkan persepsi anak yang mungkin dilihat ‘tidak ada masa depan’ jika memasuki bidang kemahiran, selain wajar memujuk dan menerangkan kepada anak-anak kelebihan TVET untuk kerjaya masa depan mereka.

Perkara ini amat signifikan kerana ibu bapa mempunyai pengaruh kuat terhadap apa sahaja pilihan bakal dibuat anak, terutama selepas tamat SPM. Justeru usah sekali-kali salah pilih atau meletakkan persepsi negatif terhadap bidang TVET.

TVET sepatutnya menjadi pilihan utama termasuk pelajar cemerlang kerana membuka laluan lebih mudah melanjutkan pelajaran ke universiti berbekalkan kelulusan kemahiran diperoleh daripada institusi TVET.

Generasi hari ini perlu membuang jauh pemikiran ‘TVET bidang kelas kedua’ atau termasuk dalam kategori sektor pekerjaan 3D iaitu *dirty* (kotor), *difficult* (sukar) dan *dangerous* (bahaya).

Dalam konteks ini, institut pengajian tinggi juga boleh menjalin kerjasama strategik dengan institusi TVET supaya memudahkan laluan masuk graduan kemahiran ini ke universiti.

Peluang seperti ini membuka mata ibu bapa dan belia, seterusnya menjadi daya penarik untuk memasuki TVET kerana sadar ada peluang lebih baik selepas tamat latihan kemahiran terbabit.

Semoga dengan ada pelbagai inisiatif dan strategi berterusan daripada kerajaan serta sokongan padu pihak industri, TVET akan menjadi bidang pilihan utama belia, sekali gus dapat memperkukuh modal insan negara.

Tuntasnya, belia perlu sadar pasaran kerjaya masa hadapan akan berpaksikan tahap dan bentuk kemahiran tinggi dimiliki, di samping penguasaan baik kemahiran digital.



UMK: Pencapaian melangkaui usia



**SAYUTI
MUKHTAR**

KAMPUS Bachok segar nyaman dihembus bayu Pantai Irama. Kampus Bandar bergerak aktif seiring perjalanan kehidupan kota di pinggir Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa yang menuju gelaran bertaraf antarabangsa. Manakala Kampus Jeli damai indah di pedalaman desa. Dari tiga daerah, tiga penjuru negeri, berdiri megah sebuah institusi bernama Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

UMK bergerak maju seiring dan seindah suasana persekitarannya. Usianya mencecah 17 tahun. Usia sebaya remaja yang mula mengorak langkah, merencana masa hadapan dengan cermat sambil menempah kegemilangan. Namun bagi UMK, berada di usia ini telah banyak menyerlah prestasi kemajuan, menggapai kejayaan.

Melalui satu hingga 13 majlis graduasi (konvokesyen), universiti di Tanah Serendah Sekebun Bunga itu telah melahirkan sejumlah 19,738 siswazah dengan seramai 910 orang pelajar pascasiswazah. Turut mengikuti pengajian di UMK pelajar-pelajar dari Arab Saudi, Palestin, Indonesia, Jepun, Somalia, Bangladesh dan Yaman.

Hasil lawatan pihak pengurusan universiti bagi mempromosikan institut pengajian tinggi ini terutama sepanjang 2023, UMK dijangka menerima kemasukan lebih ramai pelajar-pelajar dari luar negara.

Mengikut angka semasa, jumlah pelajar-pelajar yang aktif di ketiga-tiga kampus utama ialah seramai 6,987 di kampus kota, 2,873 di kampus Jeli dan 2,798 di kampus Bachok. Sementara, antara fakulti atau bidang-bidang pengajian yang disediakan termasuk Keusahawanan dan Perniagaan, Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, Perubatan Veteriner, Teknologi Kreatif dan Warisan, Senibina dan Ekistik, Industri Asas Tani, Sains Bumi, Biokejuruteraan dan Teknologi, Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan dan Sains Data Komputeran.

Antara pencapaian dan pengiktirafan yang dicatatkan



UNIVERSITI Malaysia Kelantan sehingga kini telah mencatatkan kebolehpasaran graduan (GE) mencecah 94.5 peratus, melebihi sasaran Kementerian Pendidikan Tinggi iaitu sebanyak 80 peratus. - GAMBAR UMK

Sejak penubuhan, UMK telah melahirkan sejumlah 19,738 siswazah dan 910 pascasiswazah. UMK kini berada pada kedudukan 501-600 daripada 1,172 institusi dalam penarafan Times Higher Education (THE) Young University Ranking bagi 2024."

UMK ialah keberadaannya pada kedudukan 501-600 daripada 1,172 institusi dalam penarafan Times Higher Education (THE) Young University Ranking yang telah diumumkan pada 14 Mei 2024.

Penarafan ini menyenaraikan universiti terbaik dunia yang berumur 50-tahun atau yang lebih muda. Secara keseluruhan, 21 universiti awam dan swasta di Malaysia telah tersenarai dalam penarafan ini berbanding tahun sebelum, iaitu sebanyak 17 universiti awam dan swasta di Malaysia

sahaja.

Penarafan ini telah menambahbaik penilaian daripada 13 indikator kepada 18 indikator yang telah dikelompokkan kepada lima bidang utama iaitu Pengajaran (persekitaran pembelajaran), Persekitaran Penyelidikan (jumlah, pendapatan dan reputasi), Kualiti Penyelidikan (impak sitasi, kekuatan penyelidikan, kecemerlangan penyelidikan dan pengaruh penyelidikan), Keterlibatan Antarabangsa (kakitangan, pelajar, penyelidikan) dan Industri (pendapatan dan paten).

UMK dilahirkan dengan kaitan sebagai sebuah Universiti Keusahawanan.

Bidang keusahawanan diberi tumpuan sama ada melahirkan seberapa ramai usahawan dalam kalangan pelajar atau membantu menerapkan ilmu dan bimbingan bagi memperkasakan komuniti maju dalam bidang keusahawanan. Turut dijayakan, Program Pemerkasaan Keusahawanan Kumpulan Orang Kurang Upaya (OKU) khususnya di Kelantan.

Kerjasama strategik juga dilaksanakan dengan pihak-pihak terbabit seperti badan-badan kewangan, agensi kerajaan yang terbabit atau dengan kalangan pihak yang sudah berjaya dengan cemerlang dalam lapangan perniagaan dan perusahaan.

Setakat ini, jumlah pelajar UMK yang terlibat dengan bidang keusahawanan seramai 3,069 orang. Dijangka angka ini akan terus melonjak ekoran penekanan pihak universiti meneruskan usaha melahirkan lebih ramai pelajar yang berjaya bergelar usahawan. Sebagai menggiatkan program keusahawanan pelajar, penambahbaikan infrastruktur strategik, termasuk 47 kiosk perniagaan, telah dilaksanakan di ketiga-tiga kampus Jeli, Pengkalan Chepa dan Bachok.

UMK juga sedang giat membangunkan pusat kecemerlangan penyelidikan dan inkubator keusahawanan yang meliputi semua bidang iaitu sains dan teknologi, sains sosial dan juga kemanusiaan, kesenian selain pendekatan kerjasama strategik. UMK turut mendapat Skim Geran UMK-MOF di bawah Social Enterprise Project, memperoleh Geran Penyelidikan Input dengan mewujudkan Syarikat Pelajar Nurseri yang dikenali sebagai Hobbit Garden. Projek ini berjaya mendapat pelbagai pengiktirafan.

Projek *Gold Rare Earth and Material Technopreneurship Centre (GREAT)* diwujudkan secara umumnya bertujuan untuk mengembangkan aktiviti penjana pendapatan di UMK serta membangunkan program-program yang berkaitan dengan nadir bumi, emas dan mineral yang merangkumi bidang

pendidikan, penyelidikan dan keusahawanan.

Berbicara tentang prestasi dan pencapaian, satu lagi sudut penilaian atau pengukuran yang dilihat ialah pada aspek pasaran kerja. UMK sehingga kini telah mencatatkan kebolehpasaran graduan (GE) mencecah 94.5 peratus, melebihi sasaran Kementerian Pendidikan Tinggi iaitu sebanyak 80 peratus.

UMK terus berada di landasan tepat iaitu membina modal insan yang cemerlang dan berkualiti untuk mengisi keperluan industri dan pada masa yang sama menepati konsep pembinaan negara bangsa yang bertamadun tinggi.

Pada konteks umumnya, sebagaimana sering disebut oleh Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Razli Che Razak, UMK sentiasa mengutamakan pendekatan 'membekal ilmu dan membina keperibadian'. Ini selari dengan slogan yang dilontarkan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir iaitu ke arah membina kepentingan nilai 'otak dan watak'. Penjurusannya adalah untuk melahirkan insan berilmu sekali gus memiliki nilai siasah kemanusiaan dan keperibadian yang luhur dan mulia.

DATUK SAYUTI MUKHTAR ialah Profesor Adjung Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Enam program kejuruteraan di 6 IPTS tak lagi diiktiraf EAC

Kemasukan pelajar rendah antara punca penjumudan bidang pengajian

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sekurang-kurangnya enam program kejuruteraan di enam institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), termasuk dua kolej yang bekerjasama dengan dua universiti awam (UA), kini tidak lagi diakreditasi oleh Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC).

Mendedahkan perkara ini, Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) berkata, ini susulan pengambilan pelajar bagi program kejuruteraan yang ditawarkan berkenaan kini beransur-ansur dibeku dan ditamatkan oleh IPTS terbabit.

BH difahamkan, antara program berkenaan membabitkan Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dalam jurusan Elektrik dan Elektronik; Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Sistem Komputer dan Komunikasi; Sarjana Muda Bahan Kimia; Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Awam, Sarjana Muda Kepujian Elektronik dan Penkomputeran dan Sarjana Muda Kepujian Mekanikal.

Menurut LJM, enam IPTS berkenaan ialah Kolej Bandar Uta-

Eksklusif

ma (KBU), Kolej KDU Kampus Pulau Pinang, Kolej UNITI, Universiti Nilai, Kolej Prime yang membabitkan program kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM), manakala Terengganu Advanced Technical Institute (TATI) pula membabitkan kerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

"Antara punca utama penjumudan program berkenaan disebabkan bilangan kemasukan pelajar yang rendah diterima IPTS terbabit.

"Bagaimanapun, graduan terdahulu daripada program yang sudah ditamatkan masih boleh berdaftar dengan LJM sebagai jurutera siswazah," katanya kepada BH.

EAC adalah badan yang dipertanggungjawab oleh LJM untuk mengakreditasi program ijazah kejuruteraan yang ditawarkan di negara ini, dengan misi agar program pendidikan berkenaan memperoleh pengiktirafan dan amalan terbaik antarabangsa.

Selain LJM, empat lagi pihak berkepentingan yang menganggotai EAC ialah Institut Jurutera Malaysia (IEM), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Jabatan Perkhidmatan Awam dan majikan daripada sektor industri.

Kelmarin, media melaporkan lulusan ijazah kejuruteraan di



Program ijazah kejuruteraan perlu mendapat akreditasi EAC bagi mencapai pengiktirafan dan amalan terbaik antarabangsa. (Foto hiasan)

Lulusan ijazah kejuruteraan Malaysia boleh kerja di 24 negara



Keratan akhbar BH Rabu lalu.

negara ini yang diiktiraf EAC juga diperakui di 24 negara lain yang menandatangani Washington Accord (WA).

WA adalah perjanjian antarabangsa ditandatangani lembaga akreditasi pendidikan tinggi kejuruteraan yang bergabung dalam Perikatan Kejuruteraan Antarabangsa (IEA).

Antara negara penandatanganan penuh WA adalah Australia, Kanada, China, Hong Kong, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Selain itu, Bangladesh, Taiwan, Costa Rica, India, Indonesia, Ireland, Jepun, Korea, Mexico, New Zealand, Pakistan, Peru, Filipina, Russia, Singapura, Afrika Selatan, Sri Lanka dan Turki.

LJM menegaskan prog-

ram ijazah kejuruteraan yang diiktiraf EAC adalah setara dengan ijazah kejuruteraan semua 24 penandatanganan penuh WA yang lain, sekali gus melayakkan jurutera dari Malaysia menjalankan amalan kejuruteraan di negara penandatanganan WA, tertakluk kepada syarat pelesenan tempatan negara terbabit.

53 IPT dapat pengiktirafan

Dalam perkembangan berkaitan, LJM turut memaklumkan hanya 53 institusi pengajian tinggi negara yang menawarkan pengajian kejuruteraan diiktiraf oleh badan yang mengawal selia pentauliahan pengajian itu untuk berdaftar dengan LJM, seterusnya mengesahkan kemasukan siswazah ke dalam profesion berkenaan.

Katanya, ketika ini, sebanyak 131 program ijazah kejuruteraan di 17 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan 120 program lagi di 36 IPTS diiktiraf EAC dan masih ditawarkan.

"UTM mempunyai ijazah kejuruteraan paling banyak diiktiraf EAC dengan 39 program, diikuti Universiti Malaysia Perlis/UniMAP (21), Universiti Ma-

laysia-Pahang Al-Sultan Abdulah/UMPSA (17), Universiti Sains Malaysia/USM (11) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia/UIAM (9).

"Bagi IPTS pula, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) Kampus Sungai Long dan Kampus Kampar (14), University of Nottingham Malaysia/UNM (10), Universiti UCSI (8), Curtin University Malaysia (8) dan Universiti Teknologi PETRONAS/UTP (7)" katanya.


LJM berkata, sejumlah 92 program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan diiktiraf di negara ini oleh Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC) dan ia masih lagi ditawarkan.

"Ia membabitkan 18 IPT dengan paling banyak program diiktiraf adalah di Universiti Teknikal Malaysia Melaka/UTeM (15), UniMAP (13), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia/UTHM (14), Universiti Kuala Lumpur Kampus Cawangan Malaysia France Institute/UniKL MFI (7), UniKL Kampus Cawangan Malaysian Spanish Institute/UniKL MSI (5), UniKL Cawangan Malaysia Italy Design Institute/UniKL MIDI (6) dan UniKL Kampus Cawangan Malaysian Institute of Chemical and Bio-engineering Technology/UniKL MICET (6)," katanya.

Selain program ijazah, ETAC juga mengiktiraf 274 program pengajian diploma kejuruteraan, yang membabitkan 73 IPTA/IPTS dan masih lagi ditawarkan.

"Politeknik Port Dickson (PPD) mempunyai pengajian diploma kejuruteraan terbanyak dengan 10 program.

"Ia diikuti masing-masing sembilan program di Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Politeknik Ungku Omar (PUO), Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) dan Politeknik Kuching Sarawak (PKS)," katanya.



UTM mempunyai ijazah kejuruteraan paling banyak diiktiraf EAC.

(Foto hiasan)

Ibadat & Fadilat

Abu Hurairah RA meriwayatkan Nabi SAW bersabda: "Sebaik sahaja seseorang daripada kamu keluar untuk ke masjidmu, maka untuk satu langkah ditulis satu hasanah dan satu langkah lagi digururkan kejahatannya sehingga dia pulang." (HR Ibnu Hibban)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:50	1:23	4:50	7:37	8:54
Alor Setar	5:51	1:23	4:49	7:37	8:53
P. Pinang	5:53	1:23	4:50	7:35	8:51
Ipoh	5:52	1:21	4:47	7:32	8:48
Kuala Lumpur	5:53	1:18	4:44	7:27	8:43
Shah Alam	5:53	1:18	4:44	7:27	8:43
Johor Bahru	5:47	1:09	4:35	7:15	8:31
Kuantan	5:47	1:12	4:38	7:21	8:36
Seremban	5:52	1:17	4:43	7:24	8:40
Bandar Melaka	5:52	1:16	4:41	7:23	8:38
Kota Bharu	5:44	1:16	4:42	7:29	8:41
K. Terengganu	5:42	1:12	4:38	7:24	8:40
Kota Kinabalu	4:49	12:20	3:46	6:33	7:49
Kuching	5:22	12:45	4:10	6:50	8:06

BH Khamis, 27 Jun 2024

ms 7

Nasional

Sidang Dewan Rakyat

UiTM kekal untuk pelajar Bumiputera

Dasar ditetapkan kerajaan untuk rapatkan jurang sosioekonomi antara kaum

Kuala Lumpur: Dasar Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang hanya dibuka untuk pelajar Melayu, Orang Asli dan anak negeri Sabah serta Sarawak, masih dikekalkan dalam usaha merapatkan jurang antara kaum terutama membabitkan aspek sosioekonomi.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir menekankan bahawa dasar itu masih diperlukan bagi merealisasikan hasrat kerajaan.

Katanya, Laporan Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 oleh Kementerian Ekonomi menunjukkan masih wujud jurang ekonomi membabitkan Bumiputera dan bukan Bumiputera dari segi purata pegangan bulanan, pegangan ekuiti korporat, kadar kemiskinan dan pengeluaran tenaga kerja mahir.

“Malah, kadar miskin mutlak dalam kalangan Bumiputera masih memerlukan usaha secara berterusan untuk diperbaiki.

“Dengan tertubuhnya UiTM, lebih ramai anak Bumiputera memperoleh peluang menyambung pengajian dan dilatih untuk mengisi pelbagai jenis jawatan sebagai keperluan meningkatkan kualiti hidup dan mengubah nasib mereka,” katanya ketika sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Ramkarpal Singh (PH-Bukit Gelugor) yang ingin mengetahui sama ada kerajaan bercadang membenarkan bukan Bumiputera menuntut di UiTM dengan meminda Akta UiTM 1976 atau sebaliknya.

Ditubuh ikut Perkara 153

Tambah Zambry, UiTM sendiri merupakan sebuah universiti awam (UA) yang ditubuhkan mengikut peruntukan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan seperti yang termaktub dalam Seksyen 1A Akta UiTM 1976 [Akta 173].

Jelasnya, Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan ini merangkumi kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam membuat penetapan kuota bagi kaum Melayu,



Zambry ketika sesi soal jawab Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri pada Persidangan Dewan Rakyat sempena Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga Parlimen, semalam. (Foto ihsan Penerangan Malaysia)

anak negeri Sabah dan Sarawak yang merupakan asas kepada agenda Bumiputera bagi pengambilan pelajar UiTM.

Mengenai isu kekurangan pakar kardiotorasik sehingga mencetuskan kontroversi membabitkan UiTM, Zambry berkata, berlaku sedikit kekeliruan interpretasi oleh Majlis Perubatan Malaysia (MMC).

“Kita sudah berusaha mencari pendekatan terbaik bagi menyelesaikan masalah khusus kepada empat tenaga pakar bedah ekan Fellowship of Royal College of Surgeons of Edinburgh (FRCS Ed).

“Satu perbincangan sudah diadakan dengan pihak Universiti Malaya (UM) untuk memperkenalkan kursus itu. Oktober nanti ia akan diselesaikan yang mana

ada laluan lain selain UiTM,” katanya.

Untuk rekod, isu ini timbul selepas MMC menolak permohonan empat pakar bedah kardiotorasik untuk disenarai dalam Daftar Pakar Kebangsaan kerana Fellowship of Royal College of Surgeons of Edinburgh in Cardiothoracic Surgery (FRCS Ed) diperoleh mereka tidak diiktiraf susulan penguatkuasaan pindaan Akta Perubatan mulai 2017.

Antara penyelesaian dicadangkan sesetengah pihak adalah empat pakar itu diterima untuk melalui latihan khusus di UiTM sebagai universiti pertama menawarkan program kepakaran perubatan dengan kerjasama Institut Jantung Negara (IJN) dalam bidang pembedahan kardiotorasik.

MEMILIH PEMIMPIN HEBAT

Perlu memiliki tahap pendidikan yang luar biasa



Bersama
Dr Zuraimy Ali



Malaysia Madani memerlukan pemimpin yang memiliki kekuatan pendidikan luar biasa serta tindakan luar biasa bagi mengangkat martabat, harakat dan darjat rakyat Malaysia tercinta

emimpin merupakan amanah sesuai dengan kehendak Allah SWT yang menjadikan manusia sebagai khalifah di muka bumi. Bertepatan dengan firman-Nya yang bermaksud: "Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi." Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya." (Surah Al-Baqarah, ayat 30). Kepemimpinan merupakan beban amanah (taklif) bukannya keistimewaan (tasyrif) yang sudah tentu berat perhitungannya di mahsyar kelak.

Di dalam sejarah umat manusia sudah berlaku ramai pimpinan yang dinukilkan melalui sejarah peradaban manusia. Sebahagiannya dicatatkan sebagai pemimpin yang adil dan sebahagiannya diingati dalam lipatan sejarah sebagai pemimpin yang zalim dan tidak amanah. Sebagai contoh kepemimpinan Islam yang terbaik ialah kepemimpinan Rasulullah SAW disusuli dengan Khalifah Abu Bakar dan seterusnya Amirul Mukminin Saidina Umar, Uthman, Ali dan sehingga hari ini yang sampai kepada kita kepemimpinan negara Islam yang diketuai oleh pimpinan yang adil dan amanah lagi beriman. Malaysia tidak ketinggalan dalam mengurus perdanakan kepemimpinan Islam berteraskan konsep Madani yang terangkum di dalamnya politik, ekonomi dan sosial yang adil memenuhi timbangan maqasid syariah serta dihiasi dengan konsep rahmatan lil alamin dan ihsan dalam penekanan soal nilai dan adab. Kendatipun semua



KEPEMIMPINAN merupakan beban amanah (taklif) bukan keistimewaan (tasyrif) yang sudah tentu berat perhitungannya di mahsyar kelak.


maksud dan cita-cita terbabit sudah dimiliki sebaik mungkin dengan sedaya upaya untuk menggerakkan agenda islah (reformasi) hal yang terkait dengan pendidikan tidak pernah padam dan sentiasa menjadi aulawiyat (keutamaan) bagi kerajaan pada masa kini.

Pemimpin perlu memiliki latar pendidikan yang luar biasa bagi menghidupkan kerangka Malaysia Madani. Manakala calon pemimpin yang tidak memenuhi 'piawaian ISO' terkait sijil pendidikan perlu direhatkan bagi memberi laluan kepada kepemimpinan yang memiliki pendidikan luar biasa. Hal ini adalah bertepatan dengan kehendak Allah SWT dan hanya mereka yang memiliki ilmu pendidikan luar biasa diangkat Allah SWT pada kedudukan yang mulia ketimbang mereka yang tidak memenuhi karamah (kemuliaan) ilmu sesuai dengan firman-Nya yang bermaksud: "Supaya Allah SWT meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjat." (Surah al-Mujadalah, ayat 11). Sudah tentu pemimpin yang dilantik memiliki ilmu pengetahuan luar biasa hebatnya perlu diangkat sebagai pemimpin tulen dan ini merupakan salah satu syarat

pendidikan yang bermutu tinggi. Bayangkan pemimpin yang tiada tahap pendidikan yang bermutu tinggi hanya pandai membaca apa yang ditulis, tetapi tidak memahami apa yang dibaca. Ini akan menjadikan pemimpin terbabit gagal memimpin kerana apa yang dikata tidak pernah dikota. Jika ditanya lain pula yang dijawab. Jika dikata semuanya dusta belaka. Akhirnya segala punca penyakit tidak lain dan tidak bukan kerana pemimpin yang dilantik tidak memiliki tahap pendidikan yang memenuhi 'piawaian ISO' dan mangsanya ialah rakyat. Justeru, ingatlah firman Allah SWT yang bermaksud: "Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: "Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (menggembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah." (Surah Al-Qasas, ayat 26)

Allah SWT menjelaskan melalui firman-Nya bahawa amanah sahaja tidak cukup tetapi 'kekuatan' diperlukan bersama dalam melantik pemimpin. Jika diberikan amanah, tetapi tidak ada kekuatan dari sudut pendidikan maka hasilnya ialah duit rakyat sebagai pembayar cukai hanya sia-sia. Untuk itu, setiap pemimpin yang dipilih mahupun dilantik bagi memikul amanah melaksanakan agenda negara dan rakyat perlu dalam kalangan mereka yang bukan sahaja amanah, tetapi perlu ada kekuatan ilmu pendidikan yang luar biasa. Ini sudah tentu memberikan sedikit harapan dan keyakinan bahawa kekuatan ilmu yang dimiliki pemimpin yang beriman dan amanah akan memberikan kebahagiaan buat seluruh rakyat. Bagi yang gagal dan tiada kekuatan ilmu wajar direhatkan terus atau ditangguhkan kenaikan pangkat agar duit rakyat tidak terbazir begitu sahaja. Malaysia Madani memerlukan pemimpin yang memiliki kekuatan pendidikan luar biasa serta tindakan luar biasa bagi mengangkat martabat, harakat dan darjat rakyat Malaysia tercinta sepelekos dunia.

Penulis Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi Mara
cawangan Perlis



penting sebagai tunggak kekuatan Malaysia Madani pada hari ini.

Segelintir pihak yang mendakwa tahap pendidikan tidak penting adalah mereka yang sebenarnya gagal memahami kehendak dan matlamat keutamaan ilmu. Jika dicerakinkan melalui minda yang waras dan sihat dan tidak berdasarkan emosi sudah tentu manusia yang terbaik untuk diangkat pemimpin perlu memenuhi salah satu syarat yang wajib ada iaitu tahap

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON
TAJUK: KPT, MDEC KERJASAMA DALAM PEMBANGUNAN TEKNOLOGI
DIGITAL IPT

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 38

TARIKH : 28/06/2024

KPT, MDEC kerjasama dalam pembangunan teknologi digital IPT

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bersama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) meterai memorandum persefahaman (MoU) bagi melonjakkan pembangunan digital negara dalam kalangan graduan institusi pengajian tinggi (IPT).

Kerjasama itu merupakan batu loncatan dalam usaha memperkukuhkan pembangunan bakat digital negara serta meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam bidang teknologi digital dan keusahawanan.

Ketua Setiausaha KPT, Datuk Seri Ir. Dr. Zaini Ujang berkata, KPT komited memastikan para graduan mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan untuk menyertai industri.

"Pelbagai inisiatif berbentuk peningkatan kemahiran (*up-skilling*) dan kemahiran semula (*reskilling*) yang dilaksanakan kementerian bertujuan membantu pelajar dan graduan dalam melengkapkan diri de-



TIMBALAN Ketua Setiausaha (Dasar) KPT, Datuk Megat Sany Megat Ahmad Supian (dua kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Mahadhir Aziz (tengah) bertukar-tukar dokumen MOU, semalam.

ngan kemahiran semasa yang diperlukan.

"MoU ini merupakan sokongan KPT dalam menjayakan pelaksanaan inisiatif berkaitan digital yang melibatkan pelajar-pelajar institusi pendidikan tinggi di bawah Kementerian yang merangkumi universiti awam, universiti dan kolej uni-

versiti swasta, politeknik dan kolej komuniti.

"Berdasarkan statistik melalui Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) 2023 yang dilaksanakan oleh KPT, kadar kebolehpasaran graduan (GE) nasional tahun lepas telah mencatat sebanyak 89.8 peratus," katanya.

28/6/24 MS 38 UM